

PENGUASAAN 3M DALAM KALANGAN MURID-MURID PEMULIHAN KHAS:
KAJIAN KES DI SALAH SEBUAH SEKOLAH RENDAH
DI KAWASAN KAPIT, SARAWAK

DEWI BTE MOHD. SALLEH

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

2011

Penguasaan 3M Dalam Kalangan Murid-Murid Pemulihan Khas: Kajian Kes Di Salah
Sebuah Sekolah Rendah Di Kawasan Kapit, Sarawak

Kertas Projek yang dikemukakan kepada UUM *College of Arts and Sciences (Educational
Studies)*, Universiti Utara Malaysia sebagai sebahagian daripada keperluan untuk

(Master of Education) (Curriculum and Instruction)

Universiti Utara Malaysia

Oleh

Dewi bte Mohd. Salleh

DECLARATION

I hereby declare that the project paper is based on my original work except for the quotations and citations which have been duly acknowledged.

Date : 30 April 2011

Signature

:



Name of Author

: Dewi bte Mohd. Salleh

Matrix No.

: 802716



**Bidang Pengajian Pendidikan
UUM College of Arts and Sciences
(Universiti Utara Malaysia)**

**PERAKUAN PROJEK SARJANA
(Certification of Masters Project)**

Saya yang bertandatangan di bawah, memperakukan bahawa
(I, the undersigned, certify that)

DEWI BINTI MOHD. SALLEH (NO. MATRIK : 802716)

Calon untuk Ijazah **Sarjana Pendidikan (Kurikulum & Pendidikan)**
(candidate for the degree of)

telah mengemukakan kertas projek yang bertajuk
(has presented his/her project paper of the following title)


PENGUASAAN 3M DALAM KALANGAN MURID-MURID PEMULIHAN KHAS :

KAJIAN KES DI SALAH SEBUAH SEKOLAH RENDAH DI KAWASAN KAPIT

SARAWAK.

seperti yang tercatat di muka surat tajuk dan kulit kertas projek boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan dan meliputi bidang ilmu dengan memuaskan.
(as it appears on the title page and front cover of project paper is acceptable in form and content and that a satisfactory knowledge of the field is covered by the project paper)

Nama Penyelia : **Dr. Aizan Yaacob**
(Name of Supervisor)

Tandatangan : 
(Signature)

Tarikh : **30 April 2011**
(Date)

PERMISSION TO USE

In presenting this project paper in partial fulfillment to the requirements for a postgraduate degree from Universiti Utara Malaysia, agree that the University Library may make it freely available for inspection. I further agree that permission for copying of this project paper in manner, in whole or in part, for scholarly purposes may be granted by my supervisor or in their absence by the Dean of Postgraduate and Research. It is understood that any copying or publication or use of this project or parts thereof for financial gain shall not be allowed without my written permission. It is also understood that due recognition shall be given to me and to Universiti Utara Malaysia for any scholarly use which may be made of any material from my project paper.

Requests for permission to copy or to make other use of materials in this project, in whole or in part, should be addressed to :

Dean of Research and Postgraduate Studies

College of Arts and Sciences

Universiti Utara Malaysia

06010 Sintok

Kedah Darul Aman

PENGHARGAAN

Dilimpahkan segala pujian bagi Allah s.w.t Tuhan yang telah mencipta alam semesta serta salawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w, kaum keluarganya dan para sahabatnya. Pengkaji bersyukur ke hadrat Illahi kerana dengan limpah taufik dan hidayah-Nya kertas projek yang bertajuk ‘Penguasaan 3M dalam kalangan murid-murid Pemulihan Khas : Kajian kes di salah sebuah Sekolah Rendah di kawasan Kapit, Sarawak’ dapat juga akhirnya disiapkan. Ucapan penghargaan ini pertamanya ditujukan kepada Dr. Aizan Yaacob selaku penyelia yang banyak memberi tunjuk ajar dan nasihat yang berguna. Sanjungan yang tidak terhingga juga ditujukan kepada Ibu iaitu Pn. Daiyam bt. Uthia, suami En. Jumadil b. Ali dan semua keluarga yang telah turut bersusah-payah membantu dalam rangka awal kajian dijalankan. Mereka juga sering mendoakan dan memberi kata-kata motivasi, sekali gus menyuntik semangat pengkaji untuk lebih giat meneruskan pengkajian ini sehingga ke penghujungnya tanpa mengenal erti putus asa. Terima kasih juga diucapkan kepada semua kakitangan Perpustakaan S.K Kampong Baru, Kapit, Perpustakaan Daerah Kapit, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur dan Perpustakaan Sultanah Bahiyah, Universiti Utara Malaysia yang telah membantu mencari bahan-bahan yang berkaitan dengan kajian ini. Seterusnya tidak dilupakan kepada Mejar Dr. Hj. Yahya Don selaku Pengerusi Program Sarjana Pendidikan (Luar dan berkembar UUM) dan Dr. Laurence John selaku penyelaras *Education Training Center* bagi Sabah dan Sarawak, juga guru Pemulihan Khas Cik Angela Audry Paul yang telah bersedia untuk ditemubual dan dilakukan pemerhatian terhadap corak pengajaran dan pembelajaran yang telah dilakukan olehnya, sekali gus pelajar-pelajar Pemulihan Khas S. K. Kampong Baru, Kapit, yang turut dapat membantu menambahkan beberapa fakta-fakta penting di dalam kajian ini. Tidak dilupakan juga kepada pihak-pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung. Lantas kepada mereka semua pengkaji rakamkan jutaan terima kasih daun keladi, semoga Allah s.w.t akan membalas usaha murni mereka.

ABSTRAK

Kertas Projek ini memfokuskan kajian terhadap ‘Penguasaan 3M dalam kalangan murid-murid Pemulihan Khas : Kajian kes di salah sebuah Sekolah Rendah di kawasan Kapit, Sarawak ’. Kajian ini melibatkan 28 responden yang terdiri daripada murid-murid Pemulihan Khas. Fokus kajian adalah berkisar mengenai penguasaan 3M murid-murid Pemulihan Khas. Sampel kajian pula melibatkan murid-murid dari Tahap 1 iaitu kelas 2 Perdana seramai 14 orang dan kelas 3 Satria seramai 14 orang. Kajian turut menekankan tiga aspek utama iaitu pertama mengenal pasti penguasaan 3M murid-murid Pemulihan Khas melalui ‘Ujian Saringan Bahasa Melayu dan Matematik’, ‘Ujian Diagnostik Bahasa Melayu dan Matematik’ dan ‘Ujian Pengamatan’, kedua cuba mengenal pasti cara murid-murid Pemulihan Khas menguasai 3M, khususnya melalui pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Manakala aspek yang ketiga ialah pengkaji cuba meninjau implikasi positif mahupun negatif ‘Ujian Saringan Bahasa Melayu dan Matematik’, ‘Ujian Diagnostik Bahasa Melayu dan Matematik’ dan ‘Ujian Pengamatan’ terhadap penguasaan 3M murid-murid Pemulihan Khas. Seterusnya prosedur pengutipan data yang digunakan adalah melibatkan Ujian Pencapaian, Kaedah Temubual Bersemuka (Temubual Berstruktur), penyelidikan perpustakaan, penggunaan alat-alat teknologi seperti kamera video, kaset kosong dan perakam suara (*walkman*). Dapatan kajian daripada pencapaian penguasaan 3M murid-murid Pemulihan Khas mendapati bahawa semua murid Pemulihan Khas terbabit layak mengikuti Kelas Pemulihan Khas yang diadakan. Hal ini kerana mereka telah gagal dalam kesemua atau sebahagian dari ujian-ujian yang telah dijalankan. Dapatan kajian daripada cara murid-murid Pemulihan Khas menguasai 3M, khususnya yang melibatkan pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas mendapati bahawa Guru Pemulihan Khas terbabit mempraktikkan kaedah pengajaran pemulihan secara kumpulan dan individu, menitikberatkan dua aspek penting sebelum merancang pengajaran iaitu apa yang diketahui oleh murid sebelum pengajaran dimulakan dan apa yang perlu diketahui oleh murid selepas pengajaran dilakukan, memulakan proses menjejaki suku kata daripada yang mudah dahulu, penggunaan alat bantu mengajar (ABM) dan melakukan penilaian terhadap setiap perkembangan yang ditunjukkan, khususnya berkaitan penguasaan 3M murid-murid Pemulihan Khas terbabit. Seterusnya dapatan kajian daripada implikasi positif mahupun negatif ‘Ujian Saringan Bahasa Melayu dan Matematik’, ‘Ujian Diagnostik Bahasa Melayu dan Matematik’, dan ‘Ujian Pengamatan’ terhadap penguasaan 3M murid-murid Pemulihan Khas mendapati bahawa implikasi positif lebih mendominasi berbanding dengan implikasi negatif.

ABSTRACT

This project was focused on the 'Mastery 3M among Special Rehabilitation pupils : Case study in one of the Primary Schools in area Kapit, Sarawak. It is involved 28 respondents from Special Rehabilitation pupils. It focused on the 3M control level of the Special Remedial class. The research sample involved only Level 1 pupil. It's included 14 pupils from 2 Perdana and 14 pupils from 3 Satria. This study also highlighted three key aspects namely first identify 3M mastery Special Rehabilitation pupils through 'Malay Language Screening Test and Mathematics', 'Malay Language Diagnostic Test and Mathematics' and 'Perception Test', second try to identify the ways Special Rehabilitation pupils control 3M, especially through teaching and learning in class. While the third aspect is researcher try to explore positive implications or negative 'Malay Language Screening Test and Mathematics', 'Malay Language Diagnostic Test and Mathematics' and 'Perception Test' on 3M mastery Special Rehabilitation pupils. After that data collection procedure that used are involving achievement test, interview method confront (structured interview), library research, use of technology tools such as video camera, empty cassette and voice recorders (walkman). The findings from all these tests are that all the Special Rehabilitation pupils involved qualified to follow the Special Remedial class. This is because they have failed in all or part of the test that was carried out. Study findings from way Special Rehabilitation pupils control 3M, especially which involves teaching and learning in class find that Special Rehabilitation teacher involved practice recovery instruction method collective and individual, emphasize two important factors before planning lesson namely what are known by pupil before lesson started and what need to be known by pupil after instruction carried out, start process spell syllable from that easy first, instrumentation help teach and making evaluation to every development which indicated, specifically relevant 3M mastery Special Rehabilitation pupils involved. After that study findings from positive implications or negative 'Malay Language Screening Test and Mathematics', 'Malay Language Diagnostic Test and Mathematics' and 'Perception Test' on 3M mastery Special Rehabilitation pupils found that positive implications was more dominating compared to negative implication.

KANDUNGAN

	Muka Surat
<i>Declaration</i>	 i
<i>Permission to use</i>	 ii
Penghargaan	 iii
Abstrak	 iv
<i>Abstract</i>	 v
Kandungan	 vi
Senarai Jadual	 ix
Senarai Rajah	 xi
Senarai Graf Bar	 xii
Senarai Kependekan	 xiv

BAB I : PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	 1
1.2 Pernyataan Masalah	 3
1.3 Objektif Kajian	 6
1.4 Soalan Kajian	 6
1.5 Signifikan Kajian	 7
1.6 Batasan Kajian	 8
1.7 Definisi Istilah	 9
1.8 Kesimpulan	 26

BAB II : TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	27
2.2 Penguasaan 3M murid-murid Pemulihan Khas	27
2.3 Pengajaran dan Pembelajaran murid-murid Pemulihan Khas	28
2.4 Implikasi Positif mahupun Negatif Ujian	36
2.5 Kesimpulan	41

BAB III : KAEDAH KAJIAN

3.1 Pengenalan	44
3.2 Reka Bentuk Kajian	44
3.3 Populasi dan Persampelan	45
3.4 Instrumen	46
3.5 Kebolehpercayaan dan Kesahan	49
3.6 Prosedur Pengutipan Data	50
3.7 Analisis Data	53
3.8 Kesimpulan	54

BAB IV : DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	55
4.2 Hasil Kajian ‘Ujian Saringan Bahasa Melayu dan Matematik’ Terhadap Penguasaan 3M Murid-Murid Pemulihan Khas	55
4.3 Hasil Kajian ‘Ujian Diagnostik Bahasa Melayu dan Matematik’ Terhadap Penguasaan 3M Murid-Murid Pemulihan Khas	64
4.4 Hasil Kajian ‘Ujian Pengamatan’ Terhadap Penguasaan 3M Murid-Murid Pemulihan Khas	74

SENARAI JADUAL

Jadual	Perkara	Halaman
1	Komposisi Sampel Kajian	46
2	Keputusan Ujian Saringan Bahasa Melayu bagi Kelas 2 Perdana	56
3	Keputusan Ujian Saringan Matematik bagi Kelas 2 Perdana	58
4	Keputusan Ujian Saringan Bahasa Melayu bagi Kelas 3 Satria	60
5	Keputusan Ujian Saringan Matematik bagi Kelas 3 Satria	62
6	Keputusan Ujian Diagnostik Bahasa Melayu bagi Kelas 2 Perdana	65
7	Keputusan Ujian Diagnostik Matematik bagi Kelas 2 Perdana	67
8	Keputusan Ujian Diagnostik Bahasa Melayu bagi Kelas 3 Satria	70

9	Keputusan Ujian Diagnostik Matematik bagi Kelas 3 Satria	72
10	Keputusan Ujian Pengamatan bagi Kelas 2 Perdana	75
11	Keputusan Ujian Pengamatan bagi Kelas 3 Satria	77

SENARAI RAJAH

Rajah	Perkara	Halaman
1	Item Ujian Saringan Bahasa Melayu	11
2	Item Ujian Saringan Matematik	13
3	Ujian Diagnostik Bahasa Melayu	15
4	Ujian Diagnostik Matematik	17
5	Ujian Pengamatan	20

SENARAI GRAF BAR

Graf Bar	Perkara	Halaman
1	Keputusan Ujian Saringan Bahasa Melayu bagi Kelas 2 Perdana	57
2	Keputusan Ujian Saringan Matematik bagi Kelas 2 Perdana	59
3	Keputusan Ujian Saringan Bahasa Melayu bagi Kelas 3 Satria	61
4	Keputusan Ujian Saringan Matematik bagi Kelas 3 Satria	63
5	Keputusan Ujian Diagnostik Bahasa Melayu bagi Kelas 2 Perdana	66
6	Keputusan Ujian Diagnostik Matematik bagi Kelas 2 Perdana	68
7	Keputusan Ujian Diagnostik Bahasa Melayu bagi Kelas 3 Satria	71
8	Keputusan Ujian Diagnostik Matematik bagi Kelas 3 Satria	73

9	Keputusan Ujian Pengamatan bagi Kelas 2 Perdana	76
10	Keputusan Ujian Pengamatan bagi Kelas 3 Satria	78

SENARAI KEPENDEKAN

3M	- Membaca, Menulis, Mengira
A.B.M	- Alat bantu mengajar
b.	- bin
bt.	- bte
B.M	- Bahasa Melayu
Dr.	- Doktor
En.	- Encik
G	- Guru
G.P.K	- Guru Pemulihan Khas
K.B.S.R	- Kurikulum Baru Sekolah Rendah
K.P.M	- Kementerian Pelajaran Malaysia
L	- Lelaki
M	- Murid
MM	- Murid-murid
M.T	- Matematik
P	- Perempuan
P.I.P.P	- Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
P.K.B.P	- Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran
Pn.	- Puan
P & P	- Pengajaran dan Pembelajaran
s.a.w	- sawlaulah hualaihi wasaalam
S.K	- Sekolah Kebangsaan
s.w.t	- subhanaah wataalah
U.U.M	- Universiti Utara Malaysia

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Falsafah Pendidikan Kebangsaan (2001) menyatakan bahawa pendidikan dan kehidupan berkait rapat kerana pendidikan menentukan corak serta mutu kehidupan manusia. Peranan pendidikan turut dilihat sangat penting dalam pembentukan generasi muda, yang dianggap akan dapat membantu menjadikan mereka rakyat Malaysia yang berwawasan sekali gus dapat menyumbangkan khidmat bakti kepada perkembangan ekonomi, sosial, kebudayaan dan politik Negara Malaysia yang bertuah ini.

Dalam tahun 1983, Sistem Pendidikan Malaysia telah memperkenalkan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR). Perubahan ini menunjukkan usaha untuk kembali semula kepada asas pendidikan (*back to the basic*) dengan memperkenalkan kurikulum yang lebih berfokus kepada penguasaan 3M. Semakan kurikulum ini turut meletakkan suatu penekanan yang penting terhadap masalah penguasaan 3M, dengan menjalankan aktiviti pengayaan dan pemulihan dalam kelas KBSR sebagai teras utama ke arah penyelesaian masalah 3M.

Selain itu, turut dilihat bahawa pelaksanaan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dalam sistem pendidikan Negara merupakan satu usaha untuk memantapkan kemahiran asas membaca, menulis dan mengira (3M) dalam

kalangan murid-murid sekolah rendah. Namun setelah sekian lama pelaksanaannya, masih terdapat segelintir murid-murid yang tidak menguasai kemahiran asas 3M di sekolah rendah, malahan sehingga ke sekolah menengah. Oleh yang demikian, program Pemulihan Khas telah diperkenalkan sebagai satu alternatif untuk membantu murid-murid dalam penguasaan 3M, sekali gus berperanan sebagai langkah awal pencegahan.

Selanjutnya Kamarudin Hj. Husin (1988) menjelaskan bahawa maksud perkataan ‘pulih’ bukanlah menggambarkan sembuh daripada sakit. Tetapi sebenarnya istilah ini berkaitan dengan kanak-kanak yang menghadapi kesulitan pembelajaran. Pengajaran Pemulihan Khas biasanya lebih tertumpu pada usaha untuk memperbaiki sesuatu kekurangan atau membetulkan sesuatu yang tidak betul. Jamilah Ahmad (1999) pula menyatakan bahawa dalam konteks KBSR, program Pemulihan Khas merupakan langkah-langkah khusus yang dijalankan untuk membantu murid-murid yang menghadapi masalah pembelajaran tertentu dalam kemahiran asas 3M. Mereka patut dipulihkan sebaik sahaja masalah yang dihadapi itu dapat dikesan dan ditentukan oleh guru darjah atau guru mata pelajaran. Murid yang lemah terdapat pada semua peringkat persekolahan (rendah dan menengah) dan di mana-mana sahaja. Masalah pembelajaran yang mereka hadapi adalah berbeza-beza. Oleh itu, langkah-langkah pemulihan juga perlu berbeza-beza bergantung kepada masalah yang timbul.

Manakala bagi Koh Boh Boon (1981) menyatakan bahawa Pendidikan Pemulihan Khas kalau diteliti secara lebih mendalam adalah lebih terbatas dan lebih khusus sifatnya kerana ia bertujuan membaiki kelemahan pembelajaran. Ia melibatkan murid-murid lambat, iaitu mereka yang lembap atau lambat mencapai pembelajaran berbanding dengan kanak-kanak yang lain. Pencapaian pembelajaran murid-murid ini biasanya di bawah tahap pencapaian yang sepatutnya.

Lantas secara keseluruhannya Kamarudin (1988) menyimpulkan bahawa istilah ‘murid-murid pemulihan’ atau ‘murid-murid lambat’ membawa erti bahawa murid-murid ini mempunyai pencapaian yang rendah berbanding dengan murid-murid lain yang sama peringkat persekolahan dengan mereka. Mereka ini sewajarnya diberi pengajaran Pemulihan yang sesuai supaya jurang perbezaan antara mereka dengan murid-murid lain sekurang-kurangnya dapat diperkecilkan, walaupun tidak dapat dihapuskan sama sekali.

1.2 Pernyataan Masalah

Kirk dan Gallagner (1989) menyatakan bahawa kanak-kanak Pemulihan Khas adalah individu yang mempunyai masalah dalam membaca, mengeja, menulis atau membuat kiraan congak. Kelemahan ini dapat dilihat apabila kanak-kanak ini berada di sekolah dan pencapaian mereka sering berada di bawah paras

normal. Aras pencapaian pelajar dapat dikesan berdasarkan kebolehan menguasai kemahiran tertentu berbanding umur mereka, terutamanya pencapaian dari segi mental, bahasa, pengiraan congak, kemahiran lisan dan ujian kepantasan membaca. Kebolehan mereka menguasai kemahiran tersebut adalah ketinggalan antara dua atau tiga tahun daripada kanak-kanak normal. Namun, ini tidak bermakna bahawa mereka mengalami kecacatan mental, bermasalah emosi yang serius atau kecacatan sensori.

Selain itu, program Pemulihan Khas adalah untuk mereka yang berada dalam darjah satu hingga darjah tiga sahaja. Setelah naik ke darjah empat murid-murid ini tidak akan masuk ke kelas Pemulihan Khas lagi. Oleh yang demikian, tidak ada satu kesinambungan setelah mereka naik ke darjah empat, lima dan enam. Dalam situasi ini, didapati bahawa jika murid tersebut masih tidak dapat menguasai 3M maka mereka akan ketinggalan dalam kurikulum biasa dan seterusnya akan tercicir dalam pelajaran. Hal ini secara tidak langsung turut mempengaruhi pencapaian mereka dalam ‘Ujian Saringan Bahasa Melayu dan Matematik’, ‘Ujian Diagnostik Bahasa Melayu dan Matematik’ dan ‘Ujian Pengamatan’. Seterusnya keadaan ini akan berterusan sehinggalah mereka ke sekolah menengah. Dalam erti kata yang lain, murid-murid ini akan meningkat ke peringkat sekolah menengah tanpa masalah akademik mereka di sekolah rendah dapat diselesaikan dahulu. Siapakah yang harus bertanggungjawab dalam hal ini?

Oleh hal yang demikian, langkah-langkah yang wajar perlu diambil untuk menangani masalah ini. Jika terdapat masalah yang dikenal pasti dalam diri seseorang murid, maka kita boleh salurkan mereka ke program Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran (PKBP). Di sini, sekolah ataupun kelas khas diwujudkan bagi mengumpul dan menempatkan murid-murid keperluan khas iaitu murid-murid yang mempunyai masalah dalam pembelajaran. Jika tidak, murid-murid ini akan meneruskan pelajaran mereka sama seperti murid lain. Setiap tahun mereka akan meningkat dari darjah satu hingga ke sekolah menengah tanpa dapat menguasai kemahiran 3M. Murid ini seterusnya akan mengikuti arus perkembangan pendidikan tanpa dapat menguasai ilmu pengetahuan dan kemahiran yang sepatutnya mereka kuasai dalam tempoh tersebut. Mereka datang ke sekolah hanyalah semata-mata untuk mengisi masa lapang. Akhirnya mereka akan berasa hampa, terbiar, menjadi tempat cemoohan guru, dibuli oleh rakan dan sebagainya. Faktor-faktor ini akan serba-sedikit menimbulkan rasa rendah diri yang sukar untuk diatasi oleh murid tersebut.

Berdasarkan permasalahan yang dinyatakan di atas, pengkaji merasakan perlu adanya suatu bentuk penyelidikan khusus dalam memahami permasalahan dalam kalangan murid-murid Pemulihan Khas. Hal ini secara langsung akan dapat membantu kanak-kanak Pemulihan Khas dalam Negara ini. Jika pengenalan pastian dan intervensi yang bersesuaian dilaksanakan seawal mungkin, tempoh yang diperlukan untuk mengurangkan masalah

pembelajaran murid-murid Pemulihan Khas mungkin menjadi singkat dan lebih mudah (Hammond dan Hughes, 1999; Mercer, 1997).

1.3 Objektif Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji telah menggariskan perkara-perkara berikut sebagai fokus dalam kajiannya. Perkara-perkara tersebut meliputi aspek-aspek seperti berikut :-

1. Mengenal pasti penguasaan 3M murid-murid Pemulihan Khas melalui ‘Ujian Saringan Bahasa Melayu dan Matematik’, ‘Ujian Diagnostik Bahasa Melayu dan Matematik’ dan ‘Ujian Pengamatan’.
2. Mengenal pasti cara murid-murid Pemulihan Khas menguasai 3M, khususnya melalui pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.
3. Meninjau implikasi positif mahupun negatif ‘Ujian Saringan Bahasa Melayu dan Matematik’, ‘Ujian Diagnostik Bahasa Melayu dan Matematik’ dan ‘Ujian Pengamatan’ terhadap penguasaan 3M murid-murid Pemulihan Khas.

1.4 Soalan Kajian

Pengkaji mengklasifikasikan tiga soalan penyelidikan seperti berikut :-

1. Apakah pencapaian penguasaan 3M murid-murid Pemulihan Khas dalam ‘Ujian Saringan Bahasa Melayu dan Matematik’, ‘Ujian Diagnostik Bahasa Melayu dan Matematik’ dan ‘Ujian Pengamatan’?
2. Bagaimanakah cara murid-murid Pemulihan Khas menguasai 3M, khususnya yang melibatkan pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas?
3. Apakah implikasi positif mahupun negatif ‘Ujian Saringan Bahasa Melayu dan Matematik’ , ‘Ujian Diagnostik Bahasa Melayu dan Matematik’ dan ‘Ujian Pengamatan’ terhadap penguasaan 3M murid-murid Pemulihan Khas?

1.5 Signifikan Kajian

Hasil daripada dapatan kajian ini , adalah dijangkakan bahawa ia akan mampu memberi suatu gambaran mengenai penguasaan 3M murid-murid Pemulihan Khas di sekolah terbabit. Lantas di penghujung kajian ini pula, pengkaji akan berupaya mendokumentasikan setiap tahap pencapaian ‘Ujian Saringan Bahasa Melayu dan Matematik’ , ‘Ujian Diagnostik Bahasa Melayu dan Matematik’ dan ‘Ujian Pengamatan’ murid-murid Pemulihan Khas.

Akhir sekali, kajian ini juga berperanan sebagai satu panduan, tatapan dan rujukan kepada para guru, pensyarah, penggubal kurikulum, penyelidik

dan pelbagai generasi khususnya generasi muda, yang dianggap sebagai penerus kepada kelangsungan khazanah ilmu.

1.6 Batasan Kajian

Kajian ini dijalankan terbatas ke atas 28 responden murid-murid Pemulihan Khas yang keseluruhannya dari S. K. Kampong Baru, Kapit, Sarawak. Fokus kajian ini adalah ingin mengkaji tahap penguasaan 3M murid-murid Pemulihan Khas. Sampel kajian pula melibatkan murid-murid Tahap 1 iaitu kelas 2 Perdana seramai 14 orang dan kelas 3 Satria seramai 14 orang. Manakala bilangan murid-murid lelaki adalah seramai 11 orang dan perempuan seramai 17 orang. Memandangkan saiz pelajar yang kecil dan dipilih dari sebuah sekolah sahaja, maka pelajar-pelajar ini tidak dapat mewakili keseluruhan populasi pelajar Pemulihan Khas yang terdapat di Malaysia.

Batasan kedua ialah tahap penguasaan 3M murid-murid Pemulihan Khas dinilai hanya berpandukan ‘Ujian Saringan Bahasa Melayu dan Matematik’, ‘Ujian Diagnostik Bahasa Melayu dan Matematik’ dan ‘Ujian Pengamatan’ sahaja yang lebih memfokuskan kepada penilaian individu murid-murid terbabit.

1.7 Definisi Istilah

Berdasarkan kajian yang dijalankan ini, terdapat beberapa istilah yang telah diguna pakai dalam kajian-kajian lepas. Lantas berikut merupakan penjelasan mengenai penggunaan istilah-istilah berkenaan.

• Murid Pemulihan Khas

Menurut K.P.M (2003), murid Pemulihan Khas ialah kanak-kanak yang menghadapi masalah pembelajaran. Mereka juga turut menunjukkan simptom atau gejala kesulitan untuk membaca, menulis atau mengira. Selain sering melakukan kesalahan dalam kerja sekolah dan memperoleh keputusan ujian atau peperiksaan yang kurang memuaskan. Seterusnya murid-murid ini turut memperlihatkan ciri-ciri kurang yakin, rendah konsep diri, pasif terhadap kegiatan pembelajaran dan mudah berputus asa.

• Guru Pemulihan Khas / Guru Khas Pemulihan

Menurut Robiah (1997), Guru Khas Pemulihan adalah terdiri daripada guru-guru terlatih yang telah mengikuti salah satu bentuk kursus khas pemulihan yang dijalankan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia seperti di bawah ini;

- a. Kursus Khas Pemulihan Satu Tahun
- b. Kursus Khas Pemulihan Enam Bulan
- c. Kursus Khas Pemulihan Dalam Cuti

d. Kursus Khas Pemulihan Hujung Minggu

(dijalankan oleh Pejabat Pelajaran Daerah berdasarkan keperluan sekolah)

Hanya guru-guru yang menerima latihan (a), (b) dan (c) sahaja yang layak dilantik sebagai Guru Khas Pemulihan yang dibenarkan menjalankan pengajaran pemulihan dalam kelas / bilik khas pemulihan. Di Malaysia pengajaran pemulihan dikenali juga sebagai pendidikan pemulihan.


• Penguasaan 3M

K.P.M (2003), menyatakan bahawa pendidikan peringkat rendah ialah pendidikan yang bertujuan untuk melahirkan insan yang seimbang serta berkembang secara menyeluruh dan bersepadu dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani selaras dengan hasrat Falsafah Pendidikan Negara. Penguasaan kemahiran asas membaca, menulis dan mengira (3M) perlu dikuasai pada peringkat awal bagi membolehkan murid-murid berkomunikasi dan menimba ilmu pengetahuan. Justeru, Program Pemulihan Khas mengutamakan prinsip “menyelesaikan masalah seawal mungkin” supaya tidak menjadi kronik dan berterusan sehingga ke tahap 2 persekolahan rendah atau ke peringkat persekolahan menengah rendah.

• Ujian Saringan

Menurut K.P.M (2003), ‘Ujian Saringan’ ialah satu instrumen pengukuran yang menyeluruh terhadap kekuatan dan kelemahan dalam penguasaan kemahiran-kemahiran asas oleh murid secara individu yang dicalonkan untuk mengikuti Program Pemulihan Khas. Ujian ini dapat membantu bagi mengenal pasti murid yang lemah berbanding dengan rakan-rakan sebayanya. Ujian ini juga akan dapat mengasing dan menentukan murid-murid yang benar-benar memerlukan bantuan khusus melalui Program Pemulihan Khas.

Berikut merupakan ‘Item Ujian Saringan Bahasa Melayu’ yang telah diguna pakai dalam ujian pencapaian murid-murid Pemulihan Khas.




Rajah 1
Item Ujian Saringan Bahasa Melayu

Rajah 1 di sebelah menerangkan mengenai ‘Item Ujian Saringan Bahasa Melayu’. Item ini menyaksikan sebanyak 12 buah kemahiran yang diuji oleh Guru Pemulihan Khas S. K. Kampong Baru, Kapit, Sarawak. Perincian bagi kemahiran-kemahiran yang disenaraikan di sebelah adalah seperti berikut:-

Kemahiran	1	-	Melakukan arahan mudah
Kemahiran	2	-	Nama huruf kecil
Kemahiran	3	-	Bentuk huruf kecil
Kemahiran	4	-	Fonik huruf konsonan
Kemahiran	5	-	Suku kata V
Kemahiran	6	-	Suku Kata KV
Kemahiran	7	-	Perkataan KVK
Kemahiran	8	-	Perkataan KVKK
Kemahiran	9	-	Perkataan V + KV
Kemahiran	10	-	Perkataan KV + KV
Kemahiran	11	-	Perkataan KVK
Kemahiran	12	-	Perkataan KV + KVK

Nota : Format teks Ujian Saringan Bahasa Melayu boleh dirujuk di bahagian Lampiran.

Berikut pula merupakan ‘Item Ujian Saringan Matematik’ yang telah diguna pakai dalam ujian pencapaian murid-murid Pemulihan Khas.



Rajah 2

Item Ujian Saringan Matematik

Rajah 2 di atas menerangkan mengenai ‘Item Ujian Saringan Matematik’. Item ini menyaksikan sebanyak 9 buah kemahiran yang diuji oleh Guru Pemulihan Khas S. K. Kampong Baru, Kapit, Sarawak. Perincian bagi kemahiran-kemahiran yang disenaraikan di atas adalah seperti berikut:-

- | | | | |
|-----------|---|---|--|
| Kemahiran | 1 | - | Pranombor (Terbahagi kepada dua iaitu
‘Warna’ dan ‘Saiz’) |
| Kemahiran | 2 | - | Kemahiran Konsep Nombor |

Kemahiran	3	-	Mengenal Nombor
Kemahiran	4	-	Operasi Tambah
Kemahiran	5	-	Operasi Tolak
Kemahiran	6	-	Operasi Darab
Kemahiran	7	-	Operasi Bahagi
Kemahiran	8	-	Masa dan Waktu
Kemahiran	9	-	Wang


Nota : Format teks Ujian Saringan Matematik boleh dirujuk di bahagian Lampiran.

• Ujian Diagnostik

Menurut K.P.M (2003), 'Ujian Diagnostik' ialah ujian yang terpenting dalam Program Pendidikan Pemulihan Khas. Ujian ini digunakan untuk membantu guru Pemulihan Khas mengesan daerah-daerah kelemahan dan kekuatan yang dihadapi oleh setiap murid Pemulihan Khas. Ujian ini dibentuk bukan untuk menilai peringkat pencapaian tetapi untuk mengesan masalah-masalah yang dialami ketika belajar dan mengenal pasti punca kegagalan murid dalam menguasai sesuatu kemahiran. Seterusnya keputusan analisa 'Ujian Diagnostik' akan menunjukkan daerah-daerah kelemahan dan kekuatan

seseorang murid dalam menguasai sesuatu kemahiran. Cara ini dapat membantu guru Pemulihan Khas mengenal pasti kumpulan tertentu mengikut kebolehan dan daerah-daerah kesukaran yang dihadapi. Akhir sekali, analisa kesalahan ujian tersebut dapat membantu guru Pemulihan Khas merancang satu program pengajaran yang khusus kepada seseorang individu atau kepada satu kumpulan murid-murid Pemulihan Khas dengan lebih tepat dan sistematik.

Berikut merupakan 'Item Ujian Diagnostik Bahasa Melayu' yang telah diguna pakai dalam ujian pencapaian murid-murid Pemulihan Khas.



Rajah 3


Ujian Diagnostik Bahasa Melayu

Rajah 3 di sebelah menerangkan mengenai ‘Ujian Diagnostik Bahasa Melayu’ dari bahagian ‘Praktik’. Ujian Diagnostik ini mengkehendaki murid-murid memilih dan menulis jawapan yang paling sesuai berdasarkan beberapa jawapan lain yang turut dimuatkan. Ujian ini juga turut menyenaraikan sebanyak 10 buah kemahiran yang diuji oleh Guru Pemulihan Khas S. K. Kampong Baru, Kapit, Sarawak. Perincian bagi kemahiran-kemahiran yang disenaraikan di sebelah adalah seperti berikut:-

Kemahiran	1	-	Huruf abjad kecil
Kemahiran	2	-	Huruf besar
Kemahiran	3	-	Huruf vokal
Kemahiran	4	-	Suku Kata KV
Kemahiran	5	-	Perkataan KV + KV
Kemahiran	6	-	Perkataan KV + KV + KV
Kemahiran	7	-	Perkataan V + KV
Kemahiran	8	-	Perkataan KVK
Kemahiran	9	-	Perkataan KVK + KV / KVK + KVK
Kemahiran	10	-	Ayat-ayat mudah

Nota : Format teks Ujian Diagnostik Bahasa Melayu boleh dirujuk di bahagian Lampiran.

Berikut pula merupakan ‘Item Ujian Diagnostik Matematik’ yang telah diguna pakai dalam ujian pencapaian murid-murid Pemulihan Khas.



Rajah 4

Ujian Diagnostik Matematik

Rajah 4 di atas menerangkan mengenai ‘Ujian Diagnostik Matematik’. Ujian Diagnostik ini memaparkan sebanyak 6 buah kemahiran yang diuji oleh Guru Pemulihan Khas S. K. Kampong Baru, Kapit, Sarawak. Di sini beliau telah memilih kemahiran-kemahiran tertentu sahaja untuk dimuatkan sebagai ‘Ujian Diagnostik Matematik’, iaitu mengikut sukatan ‘Buku Panduan Pelaksanaan Program Pemulihan Khas’ dan sekali gus mengikut tahap penguasaan murid-

murid terbabit. Lantas berikut disenaraikan perincian bagi kemahiran-kemahiran tersebut. Perinciannya adalah seperti berikut:-

Kemahiran	2	-	Konsep Nombor
Kemahiran	3	-	Nombor menaik dan menurun
Kemahiran	4	-	Melengkap ayat Matematik operasi Tambah
Kemahiran	5	-	Melengkapkan ayat Matematik operasi Tolak dalam lingkungan 10, bentuk lazim
Kemahiran	6	-	Mengenal Nombor 11 hingga 20


*Nota : Format teks Ujian Diagnostik Matematik boleh dirujuk di
bahagian Lampiran.*

• Ujian Pengamatan

Menurut K.P.M (2003), pengamatan ialah kefahaman terhadap sesuatu perkara atau situasi melalui panca indera setelah berlakunya proses dalam mental. Manakala bagi Syed Abu Bakar (1997), pengamatan ialah satu corak gambaran atau pengertian yang tersirat dalam fikiran seseorang apabila dia menggunakan pancainderanya setelah tertarik dengan rangsangan dari luar. Adalah dipercayai bahawa proses belajar bermula dari rangsangan di sekitar yang dikesan oleh pancaindera. Kemudian utusan-utusan dari deria-

deria dihantarkan ke otak untuk diproses. Hasil pemerosesan ini boleh diukur sebagai pembelajaran. Justeru itu, proses belajar bermula dengan rangsangan di luar, kepekaan deria, pengamatan dalam otak dan seterusnya dengan gerak balas yang dilakukan. Tujuh ciri rangsangan yang menarik kepada deria-deria ini sangat penting semasa melaksanakan program pemulihan dan semasa membuat alatan mengajar. Kanak-kanak yang bermasalah kesulitan pembelajaran ini biasanya senang berasa jemu. Oleh itu, rangsangan yang diberikan mestilah memenuhi ciri-ciri yang senang menarik perhatian deria iaitu pergerakan, perubahan, saiz, ulangan, kekuatan bunyi dan warna, kontra dan set. Selain itu, penerimaan rangsangan ini juga bergantung pada kepekaan deria. Jika keupayaan deria itu normal, penerimaan menjadi lebih mudah. Sekiranya terdapat sebarang jenis kecacatan deria, sudah pasti penerimaannya akan turut cacat. Atas dasar inilah ujian diagnostik ketajaman penglihatan dan pendengaran perlu diadakan untuk memastikan bahawa keadaan deria-deria yang berkenaan adalah normal.

Berikut merupakan 'Item Ujian Pengamatan' yang telah diguna pakai dalam ujian pencapaian murid-murid Pemulihan Khas.



Rajah 5
Ujian Pengamatan

Rajah 5 di atas menerangkan mengenai ‘Ujian Pengamatan’. Ujian ini memaparkan sebanyak 7 buah kemahiran yang diuji oleh Guru Pemulihan Khas S. K. Kampong Baru, Kapit, Sarawak. Di sini beliau telah memilih secara rawak kemahiran-kemahiran tertentu sahaja untuk dimuatkan sebagai ‘Ujian Pengamatan’, iaitu mengikut sukatan ‘Buku Panduan Pelaksanaan Program Pemulihan Khas’ dan sekali gus mengikut tahap penguasaan murid-murid terbabit. Lantas berikut disenaraikan perincian bagi kemahiran-kemahiran tersebut. Perinciannya adalah seperti berikut:-

Kemahiran 1 - Diskriminasi yang sama

Kemahiran	2	-	Diskriminasi yang ganjil
Kemahiran	5	-	Orientasi Kedudukan
Kemahiran	6	-	Turutan
Kemahiran	8	-	Menyalin
Kemahiran	11	-	Pertalian jarak
Kemahiran	15	-	Gambar atau objek tersembunyi

Nota : Format teks Ujian Pengamatan boleh dirujuk di bahagian

Lampiran.

- Huruf Vokal

Huruf-huruf vokal terdiri daripada huruf a, e, i, o, u.

- Huruf Konsonan

Huruf-huruf selain daripada Huruf Vokal. Huruf-huruf berkenaan terdiri daripada huruf b, c, d, f, g, h, j, k, l, m, n, p, q, r, s, t, v, w, x, y, z.

- Suku Kata KV

Merupakan suku kata gabungan antara huruf Konsonan (K) dan huruf Vokal (V).

Contohnya;

de

- Diftong dan Digraf

‘Diftong’ merupakan gabungan dua bunyi vokal yang disebut dalam satu Suku Kata akibat perubahan kedudukan dan ‘oi’ lidah seperti ‘ai’ ‘au’.

Manakala, ‘Digraf’ pula merupakan dua huruf berturut-turut yang mewakili satu bunyi seperti ‘ng’. ‘ny’, ‘sy’ dwihuruf, dwi-lambang, huruf rangkap.

Contohnya;

ngau

- Perkataan V + KV

Merupakan perkataan gabungan antara, huruf Vokal (V) + huruf Konsonan (K) dan huruf Vokal (V).

Contohnya;

aku

- Perkataan KV + KV

Merupakan perkataan gabungan antara huruf Konsonan (K) dan huruf Vokal (V) + huruf Konsonan (K) dan huruf Vokal (V).

Contohnya;

kopi

- Perkataan KV + KV + KV

Merupakan perkataan gabungan antara huruf Konsonan (K) dan huruf Vokal (V) + huruf Konsonan (K) dan huruf Vokal (V) + huruf Konsonan (K) dan huruf Vokal (V).

Contohnya;

keladi

• Perkataan KVK

Merupakan perkataan antara huruf Konsonan (K), huruf Vokal (V), huruf Konsonan (K).

Contohnya;

pam

• Perkataan KVK + KV / KVK+ KVK

Merupakan perkataan gabungan antara huruf Konsonan (K), huruf Vokal (V), huruf Konsonan (K) + huruf Konsonan (K), huruf Vokal (V).

Contohnya;

jambu

Atau,

Perkataan gabungan antara huruf Konsonan (K), huruf Vokal (V), huruf Konsonan (K) + huruf Konsonan (K), huruf Vokal (V), huruf Konsonan (K).

Contohnya;

rumpu

- Pranombor

Merupakan kemahiran murid-murid dalam Matematik yang melibatkan kebolehan mewarna, mengenal pasti bentuk-bentuk saiz dan bentuk yang bersesuaian.

- Nombor Menaik

Merupakan nombor dalam Matematik yang dimulai dari nombor 0, 1, 2, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9, 10 (mengikut tahap pengiraan murid-murid Pemulihan Khas).

- Nombor Menurun

Merupakan nombor dalam Matematik yang dimulai dari nombor 10, 9, 8, 7, 6, 5, 4, 3, 2, 1, 0 (mengikut tahap pengiraan murid-murid Pemulihan Khas).

1.8 Kesimpulan

Melalui huraian yang telah dinyatakan mengenai ‘Penguasaan 3M dalam kalangan murid-murid Pemulihan Khas: Kajian kes di salah sebuah Sekolah Rendah di kawasan Kapit, Sarawak’, di sini dapatlah dibuat satu kesimpulan bahawa ‘Ujian Saringan Bahasa Melayu’, ‘Ujian Saringan Matematik’, ‘Ujian Diagnostik Bahasa Melayu’, ‘Ujian Diagnostik Matematik’ dan ‘Ujian Pengamatan’ telah dapat membantu bagi mengenal pasti murid-murid yang lemah dalam pengajaran dan pembelajaran (P & P) seharian. Lantas pemantauan yang berterusan daripada Guru Pemulihan Khas khususnya perlulah sentiasa dilakukan. Hal ini bagi memastikan generasi murid-murid Pemulihan Khas terbabit tidak akan tercicir dalam arus pendidikan perdana yang sememangnya semakin rancak dan mencabar pada masa kini.

Sejajar dengan itu juga, adalah diharapkan generasi murid-murid Pemulihan Khas yang telah melalui Kelas Pemulihan Khas ini, akan berupaya berdikari dan mampu mencapai kesejahteraan diri, keluarga dan Negara amnya. Seterusnya dapat menyumbang kepada keharmonian sejagat, iaitu melalui pelbagai bidang yang bakal diceburi oleh mereka. Fenomena ini tidak mustahil akan berlaku jika setiap daripada individu murid Pemulihan Khas terbabit mempunyai inisiatif untuk maju setanding dengan rakan-rakan mereka yang berada di kelas-kelas aliran perdana.

BAB II

TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan mengenai kajian-kajian lepas berhubung dengan ‘Penguasaan 3M dalam kalangan murid-murid Pemulihan Khas : Kajian kes di salah sebuah Sekolah Rendah di kawasan Kapit, Sarawak’. Pengkajian ini seterusnya akan cuba mengenal pasti penguasaan 3M murid-murid Pemulihan Khas, pengajaran dan pembelajaran murid-murid Pemulihan Khas dan selanjutnya pengkaji juga turut mengkaji mengenai implikasi positif mahupun negatif ujian.

2.2 Penguasaan 3M murid-murid Pemulihan Khas

Charlie (2008), menyatakan bahawa setelah hampir 30 tahun pelaksanaannya, ‘Program Pendidikan Pemulihan Khas’ kelihatannya masih belum berkesan sepenuhnya dalam usaha menangani masalah penguasaan 3M khususnya yang melibatkan kemahiran asas membaca dalam kalangan murid-murid Pemulihan Khas, sekali gus hasrat untuk memastikan 100 peratus celik huruf dalam sistem Pendidikan Negara masih belum tercapai secara sepenuhnya. K.P.M (2003) turut melaporkan bahawa berdasarkan laporan penyelidikan yang diterima menunjukkan bahawa antara 10 hingga 15 peratus dalam kalangan murid-murid sekolah masih menghadapi masalah kegagalan menguasai 3M khususnya kemahiran pembacaan.

Aspalaila dan Maslinda (2006) pula mengatakan bahawa membaca merupakan kunci kejayaan seseorang murid. Kemahiran membaca bermula daripada mengenal, mengecam dan menyebut huruf dan suku kata, membatangkan dan membaca perkataan, ayat, seterusnya petikan ataupun karangan. Aspek membaca perkataan dua suku kata KV + KVK merupakan salah satu isi daripada kandungan 'Sukatan Pendidikan Pemulihan Khas Bahasa Melayu'. Kegagalan seseorang murid untuk menguasai bacaan dan perkataan dua suku kata ini akan mampu menyekat penguasaan mereka dalam kemahiran membaca perkataan yang lebih mencabar.

Manakala bagi Bayrei, et al. (2008), memperkatakan bahawa kemampuan murid-murid membaca berkembang sedikit demi sedikit melalui beberapa tahap perkembangan pembacaan. Kemampuan murid untuk membaca memerlukan setiap murid menguasai beberapa kemahiran membaca.

Selanjutnya kajian Benjamin (2008) pula mendapati bahawa kelemahan kanak-kanak dalam pengiraan dikaitkan dengan kelewatan pertumbuhan, pengalaman yang terbatas, masalah bahasa, dan kelemahan-kelemahan dalam persepsi, motor dan ingatan.

2.3 Pengajaran dan Pembelajaran murid-murid Pemulihan Khas

Ee Ah Meng (1998), menyatakan bahawa dari segi konsepnya, Program Pemulihan Khas diadakan adalah bertindak sebagai suatu aktiviti pengajaran

dan pembelajaran yang berperanan membantu murid-murid dari kelas biasa, khususnya yang mengalami masalah dalam menguasai kemahiran asas 3M. Dalam hal ini, individu Guru Pemulihan Khas yang ditugaskan mengajar mestilah seorang yang berpengalaman dalam bidang pengajaran dan pembelajaran murid-muridnya.

Laporan daripada ‘*Asian Programme of Educational Innovation for Development*’ (APIED, 1983), berkaitan keperluan pembelajaran dan masalah pendidikan rendah menunjukkan pelbagai faktor. Diantaranya adalah, persekitaran fizikal dan iklim pembelajaran yang tidak sempurna, guru-guru yang tidak berminat mengajar, keadaan yang tidak mencerikan dan menggembirakan merupakan faktor penghalang kepada kejayaan dalam pendidikan. Kekurangan bahan-bahan sumber, penggunaan buku teks serta kaedah mengajar yang tidak dapat menarik minat murid-murid serta memperkayakan pengalaman murid-murid juga dikenal pasti turut mempengaruhi masalah pembelajaran. Seterusnya nisbah murid dan guru yang tinggi menyebabkan murid-murid tidak dapat perhatian sepenuhnya secara individu oleh guru yang mengajar

Masalah dalam pembelajaran juga disebabkan oleh faktor guru yang tidak cekap atau tidak terlatih. Hal ini disebabkan oleh pengurusan kurikulum yang lemah (Otto dan Smith, 1980). Oleh yang demikian, penempatan guru-guru yang berkualiti dan ideal serta persekitaran pembelajaran yang kondusif

sama ada di sekolah mahupun di rumah adalah sangat penting. Hal ini bertujuan agar proses pembelajaran murid-murid akan menjadi lebih mudah.

Selain itu, didapati bahawa minat dan kecenderungan memainkan peranan penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Setiap individu yang berminat dalam perkara yang dipelajari akan menunjukkan pencapaian yang tinggi dalam perkara yang mereka ceburi. Hal ini turut diperkukuhkan lagi oleh Hashim (2000), yang mengatakan bahawa minat secara keseluruhan dapat dianggap sebagai pembolehubah-pembolehubah motivasi.

Turut dikesan bahawa bukan mudah untuk menjadi seorang guru yang disayangi oleh seorang pelajar. Menurut Noran Fauziah Yaakob dan Ahmad Mahdzan Yob (1993), untuk menjadi seorang guru yang dikasihi oleh pelajar, seseorang itu mestilah mempunyai ciri peramah. Sekali gus mampu mewujudkan hubungan yang baik di antara guru dengan murid-muridnya. Hal ini secara tidak langsung akan dapat merapatkan lagi hubungan di antara guru dengan muridnya dan dapat berkongsi masalah yang dihadapi oleh murid itu. (Noran Fauziah, 2000). Selanjutnya seseorang guru juga perlulah mempunyai emosi yang terkawal. Emosi yang terkawal turut merupakan salah satu daripada ciri-ciri yang diinginkan (Noran Fauziah, 2000).

Aspek komunikasi juga merupakan salah satu daripada kajian terpenting dalam perhubungan awam, yang turut meliputi bidang pendidikan yang dianggap sebagai satu aktiviti yang berterusan (Ab.Rahman Ab. Rashid

dan Hajah Wan Som Mamat,1995). Oleh itu, satu lagi ciri yang harus ada pada seseorang guru adalah berkomunikasi dengan jelas dan berkesan semasa pengajaran. Seseorang guru bukan sahaja perlu membuat persediaan dari segi rancangan mengajar, tetapi juga harus bersedia untuk berkomunikasi bersama pelajar dengan yakin, semata-mata untuk mendapatkan perhatian daripada murid-muridnya (Ab. Rahman Ab. Rashid dan Hajah Wan Som Mamat, 1995).

Magisos (1989) pula menjelaskan bahawa, sebaik-baik guru adalah mereka yang berpengetahuan tinggi, mahir dalam bidang teknikal dan cekap menjalankan tugas sebagai seorang guru. Sementara Kauchak dan Enggan (1989), berpendapat bahawa pengajaran yang berkesan memerlukan kemahiran dan pengetahuan yang luas terhadap mata pelajaran serta mempunyai kefahaman terhadap aspek pembelajaran murid.

Pendapat yang lain turut memperkatakan bahawa guru merupakan elemen penting dalam pendidikan. Pengajaran yang berkualiti adalah hasil daripada mereka yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan pada suatu disiplin ilmu tersebut. Kenyataan ini turut disokong oleh Ryan, D.G.(dalam Crow & Crow, 1983), iaitu guru yang efektif ialah guru–guru yang mempunyai sifat–sifat seperti berikut :

- i. Mempunyai pengetahuan yang mendalam dalam mata pelajaran yang diajarnya.
- ii. Mempunyai imaginasi yang tinggi untuk membolehkan ia membuat

pelbagai contoh yang dapat membantu pelajar memahami suatu konsep dengan mudah.

- iii. Dapat menggunakan alatan dan bahan pengajaran dengan baik dalam pengajarannya.

Pernyataan Ryan ini jelas mencadangkan bahawa satu bentuk latihan khusus adalah merupakan satu keperluan untuk menyediakan guru yang efektif. Guru yang mengajar Kelas Pemulihan Khas tentunya tidak terkecuali dari keperluan ini.

Robiah (1988), dalam kajiannya ke atas tugas-tugas Guru Pemulihan Khas di dua buah sekolah di Selangor, mendapati tiga masalah utama yang dihadapi oleh guru-guru yang mengajar kelas-kelas Pemulihan Khas. Masalah dan isu pertama ialah untuk mendapatkan sebuah bilik yang sesuai bagi Kelas Pemulihan Khas. Keduanya, kesukaran untuk mendapat bantuan kewangan atau dana untuk membeli dan membina bahan-bahan pembelajaran. Ketiganya, tidak mendapat sokongan moral daripada Guru Besar dan rakan-rakan guru yang lain. Masalah seterusnya ialah beban tugas yang berat kerana selain dari mengajar di Kelas Pemulihan Khas, guru terpaksa melakukan kerja-kerja yang berkaitan dengan pentadbiran, kurikulum dan juga aktiviti ko-kurikulum.

Mengikut Harnet dan Lee (1988) mendapati bahawa sikap murid terhadap proses pengajaran dan pembelajaran di Kelas Pemulihan banyak bergantung kepada motivasi guru dan perhubungan antara guru dengan murid.

Oleh itu mereka berpendapat Guru Pemulihan Khas hendaklah berusaha untuk menimbulkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang berkesan supaya murid-murid Pemulihan Khas berasa seronok dan berminat untuk belajar.

Mortadza (2005) pula turut mengatakan bahawa masalah keberkesanan pengajaran pembelajaran timbul apabila seseorang guru gagal melihat apa yang relevan pada suatu masa dahulu tidak lagi semestinya relevan pada masa kini. Sehubungan itu, dalam keadaan bilamana seseorang guru perlu melakukan perubahan dalam pengajaran pembelajaran, mereka mungkin tidak mengetahui cara untuk menangani perubahan tersebut.

Akmariah (2010) turut mencadangkan supaya guru memilih kaedah yang boleh memberi kesan yang mendalam bukan sahaja kepada kefahaman murid yang diajar, malah yang memberi kesan kepada jiwa dan menyentuh perasaan murid. Dengan cara ini murid akan memberi tumpuan yang padu dan dapat mengingat pelajaran dengan lebih cepat dan bertahan lebih lama. Untuk mencapai hasrat ini guru haruslah pandai memilih pendekatan yang sesuai dan teknik yang menarik dan ditambah pula dengan Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang canggih dan menarik. Selain itu, kaedah pengajaran yang baik ialah yang mempunyai langkah-langkah dan strategi yang tersusun serta objektif yang tepat dan boleh dicapai. Di samping itu, matlamat yang hendak dituju juga mestilah terang dan jelas. Strategi pengajaran merupakan suatu yang sangat penting dalam setiap aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

Siti Rosmah dan Saripah (2006) pula memperkatakan mengenai kecerdasan kinestetik adalah salah satu cabang daripada Teori Kecerdasan Pelbagai. Teori ini amat penting kerana ia berkait rapat dengan dunia pendidikan. Adalah diakui bahawa setiap murid memiliki pelbagai kecerdasan. Namun, apa yang membezakan mereka ialah cara berfikir, bertindak dan belajar. Aplikasi Teori Pelbagai Kecerdasan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu Pendidikan Pemulihan Khas adalah bertujuan untuk menyokong proses pembelajaran bersepadu dan menyeluruh selaras dengan keperluan murid dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Manakala menurut Abu (1986), menyatakan mengenai kepentingan sikap bekerjasama dalam usaha untuk mengatasi kelemahan pembelajaran murid lambat secara menyeluruh. Kepincangan-kepincangan yang terdapat di dalam kelas Pemulihan khas tidak akan dapat diatasi melalui pengelolaan dan pengurusan kelas yang hanya dijalankan oleh Guru Pemulihan Khas itu sahaja.

Bagi Zainal (1986) pula, beliau mengatakan bahawa pengajaran pemulihan amat penting di Malaysia kerana penempatan murid-murid dalam darjah berdasarkan umur kronologi dan bukannya umur mental. Keadaan ini bertambah mendesak lagi apabila sistem kenaikan darjah secara automatik dalam saiz kelas yang besar dilakukan sehingga menyebabkan guru biasa tidak dapat melayan sepenuhnya murid dalam kelas yang diajar. Selanjutnya beliau menegaskan lagi bahawa Guru Besar sebagai pengurus ikhtisas haruslah

memahami segala keperluan Guru Pemulihan Khas dan memberi sokongan dalam pelaksanaan Program Pemulihan Khas. Ini bukan sahaja untuk memenuhi kepentingan murid lambat malah untuk memastikan pengalaman dan pengetahuan ikhtisas Guru Pemulihan Khas dapat digunakan sepenuhnya.

Menurut beliau lagi, amatlah bahaya jika ‘Guru Besar’ dan ‘Guru Biasa’ menaruh jangkaan yang terlalu tinggi terhadap apa yang dapat dihasilkan oleh Guru Pemulihan Khas secara perseorangan, kerana Guru Pemulihan Khas bukanlah pakar dalam semua bidang tentang masalah pembelajaran. Sebaliknya adalah berbahaya juga jika Guru Pemulihan Khas menganggap bahawa hanya dia yang pakar dalam bidang pengajaran pemulihan. Oleh itu, beliau menyarankan agar kerjasama yang erat diwujudkan antara Guru Pemulihan Khas dengan semua pihak untuk membolehkan program pengajaran pemulihan berjalan dengan berkesan di sekolah. Berteraskan konsep kerjasama ini beliau mencadangkan agar dapat diwujudkan hubungan yang lebih rapat dan berterusan antara Kementerian Pelajaran Malaysia dengan Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan sekolah. Ini sangat penting bagi menjamin keberkesanan program pemulihan yang merupakan satu aspek baru dalam sistem pendidikan Negara ini. Kerjasama itu boleh diadakan dalam bentuk pengelolaan dan pengawasan yang rapi terhadap program pemulihan ini di sekolah sama ada daripada Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri atau Pejabat Pendidikan Daerah.

Selanjutnya Jamilah Ahmad (1999) menyatakan bahawa objektif pembelajaran tidak boleh terlalu sempit atau terlalu umum. Objektif pembelajaran yang sebaik-baiknya haruslah realistik dan sejajar dengan kebolehan serta minat murid-murid. Bagi tujuan pengajaran pemulihan, objektif pembelajaran hendaklah lebih khusus. Contohnya, di akhir pembelajaran murid-murid dapat membatang suku kata KVKV.

Menurut beliau lagi, bahan dalam pengajaran dan pembelajaran merupakan media yang mampu mewujudkan rangsangan dan seterusnya bertindak memperkembangkan kecerdasan dan pengalaman.

Akhir sekali, menurut Tengku Zawawi (1997), pengajaran dan pembelajaran dalam Matematik berbeza dengan mata pelajaran lain. Di samping kemahiran mengira yang melibatkan daya pemikiran dan kreativiti yang tinggi, ianya juga memerlukan kefahaman sesuatu konsep dengan tepat dan menyeluruh. Setiap pendidik Matematik mestilah bertanggungjawab untuk memiliki dan mengekalkan ketrampilan (*competence*) dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran dengan mengambil kira keperluan dan tahap pencapaian para pelajar.

2.4 Implikasi Positif mahupun Negatif Ujian

Abdul Rahim et al. (2006), menyatakan bahawa ‘Program Pemulihan Khas’ merupakan suatu usaha pendidikan untuk mengatasi kesulitan murid-murid

dalam pembelajaran. Sejarah kewujudannya bermula pada tahun 1965 dengan penempatan guru terlatih khas pertama di sekolah rendah di Selangor. Penekanan terhadap pendidikan Pemulihan Khas seterusnya dibuat apabila Kementerian Pelajaran Malaysia melaksanakan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) yang menekankan penguasaan kemahiran asas membaca, menulis dan mengira. Di samping turut menitikberatkan penekanan terhadap perbezaan individu yang merupakan antara asas dalam prinsip KBSR yang meliputi aspek-aspek pedagogi seperti penggabungjalinan, penyerapan, penilaian berterusan, pengayaan dan pemulihan.

Chua (1983) turut mengatakan bahawa pengajaran pemulihan bertujuan memberi pengalaman konkrit, memberi kebebasan daripada pertandingan dengan murid yang lain di kelas yang sama. Pengajaran pemulihan juga bertujuan untuk menanamkan perasaan kejayaan di jiwa kanak-kanak agar mereka lebih berkeyakinan, lebih ingin mencuba mengikut tahap keupayaan mereka.

Robiah (1997) pula mengatakan bahawa pengajaran pemulihan bertujuan untuk membantu murid yang menghadapi masalah dalam pembelajaran. Ini adalah kerana kegagalan menguasai kemahiran asas seperti membaca, menulis dan mengira akan menghalang mereka untuk menghayati kandungan pelajaran yang disediakan bagi peringkat persekolahan mereka. Sekiranya ketidakupayaan ini tidak diatasi, dengan kata-kata lain kelemahan

kanak-kanak akan bertambah-tambah tahun demi tahun, maka masalah akan bertambah buruk apabila kanak-kanak ini menghadapi kandungan pelajaran yang lebih susah. Kegagalan menguasai kemahiran asas ini akan menjadikan murid itu benci untuk datang ke sekolah kerana sekolah bukan tempat yang menggemirakan mereka. Kegagalan ini juga menyebabkan kanak-kanak ini tidak dapat menimba pengetahuan yang berharga melalui buku.

Selanjutnya Sharifah (1986) berpendapat bahawa pengajaran pemulihan ialah satu proses pembelajaran yang mengandungi beberapa fasa dan fasa-fasa ini bergerak mengikut turutan. Proses pengajaran pemulihan ini bermula dengan mengikut langkah-langkah seperti langkah pertama 'Proses pengambilan dan Kelas Pemulihan', langkah kedua 'Penyediaan alatan', langkah ke-tiga 'Pencalonan', langkah ke-empat 'Pengumpulan maklumat', langkah ke-lima 'Saringan', langkah ke-enam 'Diagnosis', langkah ke-tujuh 'Perancangan dan pengajaran', langkah ke-lapan 'Penilaian', dan langkah kesembilan 'Proses Susulan'.

Menurut beliau lagi, di bahagian ini menjelaskan bahawa selepas pencalonan dan pengumpulan maklumat ini diuruskan maka Ujian Saringan ditadbirkan. Ujian ini boleh dibuat dalam bentuk lisan atau amali untuk mata pelajaran asas iaitu Matematik dan Bahasa. Tujuan ujian ini ialah untuk memastikan murid yang benar-benar layak mengikut kelas pemulihan. Manakala bagi 'Ujian Diagnostik Bahasa Melayu dan Matematik' juga 'Ujian

Pengamatan', kedua-duanya terletak di langkah yang ke-enam. Di sini didapati bahawa setelah calon kelas pemulihan ditentukan maka proses yang seterusnya ialah memberi 'Ujian Diagnostik' dalam mata-mata pelajaran seperti di dalam Saringan dan 'Ujian Pengamatan'. Ini bertujuan untuk menampakkan secara terperinci masalah-masalah akademik yang dialami oleh tiap-tiap orang murid. Daripada ujian ini akan didapati kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh murid. Kesalahan-kesalahan ini dianalisis untuk membentuk hipotesis masalah-masalah yang dialami oleh murid.

Mok Soon Sang (1994) turut menyatakan bahawa tujuan penilaian Pemulihan Khas adalah ingin menentukan kekuatan dan kelemahan murid dalam pelajaran sesuatu kemahiran supaya merancang aktiviti pengayaan dan pemulihan.

Jamilah Ahmad (1999) pula mengatakan bahawa 'Ujian Saringan' ialah satu ujian yang memberi pengukuran menyeluruh tentang kelemahan dan kekuatan seseorang murid dalam kemahiran asas yang telah dipelajari.

Menurut beliau lagi, Ujian Diagnostik bertujuan membantu guru menganalisis kelemahan murid dalam sesuatu mata pelajaran atau kemahiran. Hasil daripada ujian ini juga membolehkan guru mencari dan mengesan kawasan kelemahan yang dihadapi oleh murid secara terperinci dan tepat. Di samping itu, guru dapat mengetahui sebab-sebab kelemahan itu berlaku.

Keputusan ujian ini boleh menjadi panduan kepada guru bagi memulakan Program Pemulihan khusus untuk murid-murid berkenaan. Secara tidak langsung guru juga dapat melihat kekuatan murid dalam aspek akademik. Dengan itu, guru juga dapat menentukan keperluan-keperluan murid-murid dalam aspek ini dan menentukan objektif pengajaran untuk mengatasi kelemahan murid.

K.P.M (2003), menyifatkan bahawa ‘Pengamatan’ ialah satu kemahiran yang boleh dikembang dan dipelajari. Sungguhpun ia berkait rapat dengan darjah kecerdasan seseorang kanak-kanak itu, tetapi ia boleh diajar kepada kanak-kanak lemah supaya dapat membantu mereka dalam pembelajaran.

Akhir sekali pendapat Kamarudin Hj. Husin (1988), yang menyatakan bahawa penilaian adalah satu proses yang dijalankan secara terus-menerus kerana penilaian dalam konteks pengajaran pemulihan adalah bertujuan untuk mengesan kemajuan murid-murid yang lemah dalam menjalani aktiviti pemulihan. Maklumat yang didapati daripada penilaian ini membolehkan guru menentukan tindakan yang selanjutnya iaitu dari segi ‘Tindakan Susulan’. Di sini murid-murid yang telah menguasai konsep atau kemahiran-kemahiran tertentu akan menjalankan aktiviti-aktiviti susulan (tambahan) dan murid yang masih belum dapat menguasai konsep dan kemahiran itu akan

meneruskan aktiviti pemulihan. Setelah murid-murid yang menghadapi masalah pembelajaran yang kompleks dijangkakan mampu mengikuti pembelajaran di kelas-kelas biasa, mereka ini akan diberi aktiviti-aktiviti susulan. Aktiviti-aktiviti susulan ini merupakan usaha sokongan atau peneguhan untuk membiasakan murid-murid dengan masalah yang dihadapi. Aktiviti-aktiviti pengayaan harus diperbanyakkan. Guru-guru kelas dan guru-guru Pemulihan Khas harus bantu-membantu dalam merancang aktiviti-aktiviti tersebut. Ini penting untuk mengekalkan prestasi murid-murid yang dipulihkan itu.

2.5 Kesimpulan

Melalui huraian yang telah dinyatakan, dapatlah disimpulkan bahawa penguasaan 3M murid-murid Pemulihan Khas turut dilihat dari segi penguasaan kemahiran membaca yang bermula daripada mengenal, mengecam dan menyebut huruf dan suku kata, membatangkan dan membaca perkataan, ayat, seterusnya petikan ataupun karangan amat penting dikuasai oleh seseorang murid. Kegagalan seseorang murid untuk menguasai bacaan dan perkataan dua suku kata ini akan mampu menyekat penguasaan mereka dalam kemahiran membaca perkataan yang lebih mencabar. Manakala kelemahan kanak-kanak dalam pengiraan dikaitkan dengan kelewatan pertumbuhan, pengalaman yang terbatas, masalah bahasa dan kelemahan-kelemahan dalam persepsi, motor dan ingatan.

Seterusnya, kesimpulan daripada pengajaran dan pembelajaran murid-murid Pemulihan Khas. Di sini didapati bahawa dari segi konsepnya, Program Pemulihan Khas diadakan adalah bertindak sebagai suatu aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang berperanan membantu murid-murid dari kelas biasa, khususnya yang mengalami masalah dalam menguasai kemahiran asas 3M. Selanjutnya didapati bahawa pengajaran yang berkualiti adalah hasil daripada mereka yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan pada suatu disiplin ilmu. Selain itu, ditegaskan juga bahawa guru yang efektif ialah guru-guru yang mempunyai sifat-sifat seperti mempunyai pengetahuan yang mendalam dalam mata pelajaran yang diajarnya, mempunyai imaginasi yang tinggi untuk membolehkan ia membuat pelbagai contoh yang dapat membantu pelajar memahami suatu konsep dengan mudah dan dapat menggunakan alatan dan bahan pengajaran dengan baik dalam pengajarannya. Selanjutnya ditekankan juga sikap murid terhadap proses pengajaran dan pembelajaran di Kelas Pemulihan Khas banyak bergantung kepada motivasi guru dan perhubungan antara guru dengan murid. Oleh itu, Guru Pemulihan Khas hendaklah berusaha untuk menimbulkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang berkesan supaya murid-murid Pemulihan Khas berasa seronok dan berminat untuk belajar. Di samping itu, Guru Pemulihan Khas turut digesa agar menerapkan aplikasi 'Teori Pelbagai Kecerdasan' dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Pemulihan Khas dengan tujuan untuk menyokong proses pembelajaran bersepadu dan menyeluruh, selaras dengan keperluan murid dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Akhir sekali, kesimpulan daripada implikasi positif mahupun negatif ujian. Di sini didapati bahawa tujuan penilaian Pemulihan Khas adalah ingin menentukan kekuatan dan kelemahan murid dalam pelajaran sesuatu kemahiran supaya merancang aktiviti pengayaan dan pemulihan. Selain itu, turut dijelaskan bahawa pengajaran pemulihan ialah satu proses pembelajaran yang mengandungi beberapa fasa dan fasa-fasa ini bergerak mengikut turutan. Proses pengajaran pemulihan ini bermula dengan mengikut langkah-langkah seperti langkah pertama 'Proses pengambilan dan Kelas Pemulihan', langkah kedua 'Penyediaan alatan', langkah ke-tiga 'Pencalonan', langkah ke-empat 'Pengumpulan maklumat', langkah ke-lima 'Saringan', langkah ke-enam 'Diagnosis', langkah ke-tujuh 'Perancangan dan pengajaran', langkah ke-lapan 'Penilaian', dan langkah ke-sembilan 'Proses Susulan'.

BAB III

KAEDAH KAJIAN

3.1 Pengenalan

Kajian yang dijalankan oleh pengkaji adalah berkaitan ‘Penguasaan 3M dalam kalangan murid-murid Pemulihan Khas: Kajian kes di salah sebuah Sekolah Rendah di kawasan Kapit, Sarawak’. Seterusnya pengkaji akan cuba mengenal pasti ‘Ujian Pencapaian’ yang meliputi ‘Ujian Saringan Bahasa Melayu dan Matematik’, ‘Ujian Diagnostik Bahasa Melayu dan Matematik’ dan ‘Ujian Pengamatan’. Selain itu, pengkaji juga akan turut mengenal pasti cara pelajar-pelajar Pemulihan Khas menguasai 3M, khususnya melalui pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Lantas di akhir kajian ini kelak, pengkaji akan cuba pula meninjau implikasi positif mahupun negatif ‘Ujian Saringan Bahasa Melayu dan Matematik’, ‘Ujian Diagnostik Bahasa Melayu dan Matematik’ dan ‘Ujian Pengamatan’ terhadap penguasaan 3M murid-murid Pemulihan Khas. Dalam bab ini juga turut dimuatkan mengenai Reka Bentuk Penyelidikan, Populasi dan Persampelan, Instrumen, Kebolehpercayaan dan Kesahan, Prosedur Pengutipan Data dan Analisis Data juga turut dibincangkan.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini dijalankan adalah bertujuan ingin meninjau ‘Penguasaan 3M dalam kalangan murid-murid Pemulihan Khas: Kajian kes di salah sebuah Sekolah Rendah di kawasan Kapit, Sarawak’. Kaedah kajian yang dijalankan oleh

pengkaji adalah berbentuk Kualitatif dan Kuantitatif. Kaedah Kualitatif dipilih oleh pengkaji bagi mengetahui Tahap Penguasaan 3M murid-murid Pemulihan Khas di dalam ujian pencapaian yang dijalankan. Manakala kaedah Kuantitatif pula diguna pakai dalam ujian pencapaian yang melibatkan markah-markah murid-murid Pemulihan Khas dalam ‘Ujian Saringan Bahasa Melayu dan Matematik’, ‘Ujian Diagnostik Bahasa Melayu dan Matematik’ dan ‘Ujian Pengamatan’.

3.3 Populasi dan Persampelan

Dalam kajian ini, pemilihan para pelajar Tahap 1 iaitu kelas 2 Perdana dan kelas 3 Satria dari S. K. Kampong Baru, Kapit, Sarawak telah dilakukan kerana mereka merupakan murid-murid Pemulihan Khas yang telah terpilih bagi mengikuti kelas terbabit.

Populasi kajian pula terdiri daripada murid-murid Pemulihan Khas dari S. K. Kampong Baru, Kapit, Sarawak iaitu seramai 28 orang. Kajian ini turut dijalankan dengan menggunakan Persampelan Tidak Rawak (*Non Probability Sampling*).

Kajian ini dijalankan di S. K. Kampong Baru, Kapit, Sarawak. Sekolah ini terletak di kawasan perkampungan kaum Melayu Sarawak, bandar Kapit

dan merupakan sekolah Gred A. Sampel kajian ini terdiri daripada 28 orang murid-murid Pemulihan Khas, yang terdiri daripada 11 pelajar lelaki dan 17 pelajar perempuan. Komposisi para pelajar Pemulihan Khas yang terlibat dalam kajian ini adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1
Komposisi Sampel Kajian

Kelas	Jantina		Jumlah
	Lelaki	Perempuan	
2 Perdana	4	10	14
3 Satria	7	7	14
Jumlah	11	17	28

3.4 Instrumen

Pengkaji akan menggunakan instrumen kajian dari segi ‘Ujian Pencapaian’. Dalam kajian ini, pengkaji akan cuba mengenal pasti ‘Ujian Pencapaian’ yang meliputi aspek-aspek berikut:-

- 1. Ujian Saringan Bahasa Melayu
- 2. Ujian Saringan Matematik
- 3. Ujian Diagnostik Bahasa Melayu
- 4. Ujian Diagnostik Matematik
- 5. Ujian Pengamatan

Kriteria penilaian bagi 'Ujian Saringan Bahasa Melayu' meliputi 12 kemahiran seperti berikut:-

Kemahiran 1	(Melakukan arahan mudah)
Kemahiran 2	(Nama huruf kecil)
Kemahiran 3	(Bentuk huruf kecil)
Kemahiran 4	(Fonik huruf konsonan)
Kemahiran 5	(Suku kata V)
Kemahiran 6	(Suku kata KV)
Kemahiran 7	(Perkataan KVK)
Kemahiran 8	(Perkataan KVKK)
Kemahiran 9	(Perkataan V + KV)
Kemahiran 10	(Perkataan KV + KV)
Kemahiran 11	(Perkataan KVK)
Kemahiran 12	(Perkataan KV + KVK)

Kriteria penilaian bagi 'Ujian Saringan Matematik' meliputi kemahiran-kemahiran seperti berikut:-

Kemahiran 1	(Pranombor - Terbahagi kepada dua iaitu 'Warna' dan 'Saiz')
-------------	--

Kemahiran 2	(Kemahiran Konsep Nombor)
Kemahiran 3	(Mengenal Nombor)
Kemahiran 4	(Operasi Tambah)
Kemahiran 5	(Operasi Tolak)
Kemahiran 6	(Operasi Darab)
Kemahiran 7	(Operasi Bahagi)
Kemahiran 8	(Masa dan Waktu)
Kemahiran 9	(Wang)

Kriteria penilaian bagi ‘Ujian Diagnostik Bahasa Melayu’ meliputi 10 kemahiran seperti berikut:-

Kemahiran 1	(Huruf abjad kecil)
Kemahiran 2	(Huruf besar)
Kemahiran 3	(Huruf vokal)
Kemahiran 4	(Suku Kata KV)
Kemahiran 5	(Perkataan KV + KV)
Kemahiran 6	(Perkataan KV + KV + KV)
Kemahiran 7	(Perkataan V + KV)
Kemahiran 8	(Perkataan KVK)
Kemahiran 9	(Perkataan KVK + KV / KVK + KVK)
Kemahiran 10	(Ayat-ayat mudah)

Kriteria penilaian bagi ‘Ujian Diagnostik Matematik’ meliputi kemahiran-kemahiran seperti berikut:-

Kemahiran 2	(Konsep Nombor)
Kemahiran 3	(Nombor menaik dan menurun)
Kemahiran 4	(Melengkap ayat Matematik operasi Tambah)
Kemahiran 5	(Melengkapkan ayat Matematik operasi Tolak dalam lingkungan 10, bentuk lazim)
Kemahiran 6	(Mengenal Nombor 11 hingga 20)

Kriteria penilaian bagi ‘Ujian Pengamatan’ meliputi kemahiran-kemahiran seperti berikut:-

Kemahiran 1	(Diskriminasi yang sama)
Kemahiran 2	(Diskriminasi yang ganjil)
Kemahiran 5	(Orientasi Kedudukan)
Kemahiran 6	(Turutan)
Kemahiran 8	(Menyalin)
Kemahiran 11	(Pertalian jarak)
Kemahiran 15	(Gambar atau objek tersembunyi)

3.5 Kebolehpercayaan dan Kesahan

Pengkaji akan menggunakan kesahan kajian dari segi ‘Kesahan Kriteria’.

Spesifik jenisnya ialah ‘Kesahan Kriteria Serentak (selari)’ iaitu kriteria yang ditunjukkan pada masa yang sama atau hampir sama dengan pengukuran yang dikenakan ke atas kriteria tersebut. Contohnya, beberapa orang pelajar Pemulihan Khas yang didapati lulus salah satu atau kedua-dua ‘Ujian Diagnostik Bahasa Melayu’ dan ‘Ujian Diagnostik Matematik’, merupakan seorang murid yang dapat menguasai salah satu atau kesemua kemahiran 3M sama ada ‘Kemahiran Membaca’, ‘Kemahiran Menulis’ ataupun ‘Kemahiran Mengira’.

3.6 Prosedur Pengutipan Data

Prosedur pengutipan data dalam kalangan murid-murid Pemulihan Khas dilakukan melalui ‘Ujian Pencapaian’ yang dijalankan. Ujian Pencapaian terbabit meliputi ‘Ujian Saringan Bahasa Melayu dan Matematik’, ‘Ujian Diagnostik Bahasa Melayu dan Matematik’ dan ‘Ujian Pengamatan’. Kesemua ‘Ujian Pencapaian’ ini lebih memfokuskan kepada penilaian individu murid-murid terbabit.

Prosedur mengendalikan kajian ini telah dilakukan di Kelas Pemulihan Khas, S. K. Kampong Baru, Kapit, Sarawak. Bagi menjamin kelancaran kajian, pengkaji telah mendapat kerjasama daripada Guru Pemulihan Khas bagi memastikan ‘Ujian Pencapaian’ ini berjalan lancar.

‘Ujian Pencapaian’ ini dilakukan selama tiga bulan berturut-turut. Hal ini disebabkan kekangan masa yang diperuntukkan bagi setiap kelas (30 minit bagi setiap kelas, lagipun sebelum memulakan ‘Ujian Pencapaian’, Guru Pemulihan Khas perlu terlebih dahulu memberi kefahaman kepada murid-muridnya mengenai bagaimana menjawab soalan-soalan berkenaan).

Para murid Pemulihan Khas juga dikehendaki mendengar dahulu setiap penjelasan daripada Guru Pemulihan Khas sebelum menjawab setiap soalan yang dikemukakan oleh guru. Guru Pemulihan Khas selanjutnya memberi penjelasan bahawa ‘Ujian Pencapaian’ yang dilakukan adalah ingin melihat tahap penguasaan 3M murid-murid terbabit. Lantas pada akhir ujian ini, Guru Pemulihan Khas terbabit akan berpeluang mengklasifikasikan murid-muridnya mengikut tahap penguasaan mereka. Tindakan sedemikian bertujuan supaya Guru Pemulihan Khas mudah menyediakan bahan pengajaran dan pembelajaran, sekali gus membantu pengkajian yang dilakukan.

Seterusnya, pengkaji juga telah menggunakan ‘Kaedah Temubual Bersemuka’ iaitu temubual individu dengan Guru Pemulihan Khas terbabit. Jenis temubual adalah ‘Temubual Berstruktur’. Melalui setiap maklumat yang diberikan telah menambahkan lagi input dalam usaha pengkaji menganalisis setiap data yang ada.

Pengkaji juga turut membuat penyelidikan perpustakaan seperti Perpustakaan S. K. Kampong Baru, Kapit, Perpustakaan Daerah Kapit, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur dan Perpustakaan Sultanah Bahiyah, Universiti Utara Malaysia. Selain itu, pengkaji turut memanfaatkan laman sesawang dengan mengakses pelbagai maklumat yang berguna daripada Internet.

Akhir sekali, kajian yang dilakukan turut juga menggunakan alat-alat teknologi seperti kamera video, kaset kosong, perakam suara (*walkman*). Kesemua bahan-bahan yang dinyatakan ini amat berkesan membantu pengkaji dalam usaha menemui informan yang hendak ditemubual. Menyentuh tentang penggunaan kamera video, pengkaji hanya menggunakannya sewaktu melihat corak pengajaran dan pembelajaran murid-murid Pemulihan Khas. Seajar dengan itu, penggunaan kaset kosong digunakan bersama-sama perakam suara (*walkman*). Perakam suara yang digunakan adalah untuk menemubual. Walau bagaimanapun, sebelum sesebuah aktiviti merakam suara dijalankan, pengkaji terlebih dahulu akan menjelaskan secara langsung setiap prosedur pertanyaan yang berkaitan penguasaan 3M dalam kalangan murid-murid Pemulihan Khas. Jika didapati informan yang hendak ditemubual telah bersedia dan memahami setiap topik persoalan, pengkaji pun akan mulalah merakam. Seterusnya pengkaji juga turut menyertakan tulisan nama informan, tarikh dan lokasinya pada kaset yang telah digunakan.

3.7 Analisis Data

Kajian kes yang dilakukan ini, menggunakan ‘Analisis Kandungan Data’ iaitu meneliti semua data secara menyeluruh, tetapkan kategori data untuk dianalisis dan langkah seterusnya ialah meneliti semua data sekali lagi.

Merujuk kepada kajian yang dilakukan, pengkaji akan menganalisis ‘Ujian Pencapaian’ yang meliputi ‘Ujian Saringan Bahasa Melayu dan Matematik’, ‘Ujian Diagnostik Bahasa Melayu dan Matematik’ dan ‘Ujian Pengamatan’ (sila rujuk penjelasan setiap ujian berkenaan di Bahagian Instrumen).

Selanjutnya, pengkaji juga akan cuba mengenal pasti cara murid-murid Pemulihan Khas menguasai 3M, khususnya melalui pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.

Akhir sekali, pengkaji akan meninjau implikasi positif mahupun negatif ‘Ujian Saringan Bahasa Melayu dan Matematik’, ‘Ujian Diagnostik Bahasa Melayu dan Matematik’ dan ‘Ujian Pengamatan’ terhadap penguasaan 3M murid-murid Pemulihan Khas berkenaan.

3.8 Kesimpulan

Melalui huraian yang telah dinyatakan mengenai kaedah penyelidikan, di sini dapatlah dibuat satu kesimpulan bahawa tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti 'Penguasaan 3M murid-murid Pemulihan Khas' melalui 'Ujian Saringan Bahasa Melayu dan Matematik', 'Ujian Diagnostik Bahasa Melayu dan Matematik' dan 'Ujian Pengamatan'. Di samping itu, pengkaji juga turut ingin mengenal pasti cara murid-murid Pemulihan Khas menguasai 3M, khususnya melalui pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas yang telah menggunakan kaedah temubual dan pemerhatian dalam usaha pengkaji untuk memperolehi maklumat-maklumat. Lantas di akhir kajian ini kelak, pengkaji akan cuba pula meninjau implikasi positif mahupun negatif 'Ujian Saringan Bahasa Melayu dan Matematik', 'Ujian Diagnostik Bahasa Melayu dan Matematik' dan 'Ujian Pengamatan' terhadap penguasaan 3M murid-murid Pemulihan Khas berkenaan.

Selanjutnya di dalam bab ini, pengkaji turut menerangkan mengenai reka bentuk penyelidikan, populasi dan persampelan, instrumen, kebolehpercayaan dan kesahan, prosedur pengutipan data sehinggalah ke peringkat analisis data. Kesemua ini tentunya akan dapat membantu pengkaji dalam usahanya untuk menyiapkan kajian ini.

BAB IV

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan mengenai dapatan kajian berhubung dengan ‘Penguasaan 3M dalam kalangan murid-murid Pemulihan Khas : Kajian kes di salah sebuah Sekolah Rendah di kawasan Kapit, Sarawak’. Seterusnya dapatan kajian turut berkisar mengenai hasil kajian ‘Ujian Saringan Bahasa Melayu dan Matematik’ terhadap penguasaan 3M murid-murid Pemulihan Khas, hasil kajian ‘Ujian Diagnostik Bahasa Melayu dan Matematik’ terhadap penguasaan 3M murid-murid Pemulihan Khas, hasil kajian ‘Ujian Pengamatan’ terhadap penguasaan 3M murid-murid Pemulihan Khas, Pengajaran dan Pembelajaran murid-murid Pemulihan Khas.

4.2 Hasil Kajian ‘Ujian Saringan Bahasa Melayu Dan Matematik’ Terhadap Penguasaan 3M Murid-Murid Pemulihan Khas

Jadual 2, Jadual 3, Graf Bar 1 dan Graf Bar 2 di sebelah menunjukkan keputusan ‘Ujian Saringan Bahasa Melayu dan Matematik’ bagi kelas 2 Perdana. Hasil kajian ini mendapati bahawa terdapat seramai 14 orang murid telah disenaraikan bagi mengikuti Ujian Saringan tersebut. Murid-murid dari Kelas 2 Perdana adalah seramai 14 orang, bilangan pelajar lelaki seramai

empat orang dan pelajar perempuan seramai sepuluh orang. Ujian Saringan ini telah dijalankan di Kelas Pemulihan Khas S. K. Kampong Baru, Kapit, Sarawak. Selain itu, turut didapati bahawa kesemua murid ini telah ‘Gagal’ bagi kedua-dua mata pelajaran tersebut iaitu dalam ‘Ujian Saringan Bahasa Melayu’ mahupun ‘Ujian Saringan Matematik’.

Jadual 2
Keputusan Ujian Saringan Bahasa Melayu bagi Kelas 2 Perdana

Bil	Nama	Jantina	Ujian Saringan (%)
			BM
1	Alice	P	42
2	Amylia	P	27
3	Asmah	P	45
4	Camelia	P	61
5	Dio	P	31
6	Liviana	P	41
7	Medelin	P	46
8	Suzanna	P	59
9	Venessa	P	30
10	Flora	P	30
11	Augustine	L	20
12	Garyson	L	29
13	Roy	L	41
14	Triston	L	62


Nota : Markah Lulus adalah 80 %

Jadual 2 yang dipaparkan di atas, merupakan ‘Keputusan Ujian Saringan Bahasa Melayu’ bagi Kelas 2 Perdana. Hasilnya didapati bahawa kesemua

murid Kelas 2 Perdana yang telah mengikuti ujian berkenaan, telah ‘Tidak Lulus’. Hal ini memperkukuhkan lagi pencalonan mereka untuk memasuki Kelas Pemulihan Khas. Keputusannya ialah seramai 14 orang murid dari Kelas 2 Perdana telah layak memasuki Kelas Pemulihan Khas, setelah tidak berjaya melepasi peratusan markah yang telah ditetapkan.

Graf Bar 1

Keputusan Ujian Saringan Bahasa Melayu bagi Kelas 2 Perdana



Nota : Markah Lulus adalah 80 %

Graf Bar 1 yang dipaparkan di atas, merupakan ‘Keputusan Ujian Saringan Bahasa Melayu’ bagi Kelas 2 Perdana. Hasil analisis daripada graf bar yang ditunjukkan didapati bahawa murid bernama ‘Triston’ telah memperolehi markah tertinggi iaitu sebanyak 62 %. Manakala murid bernama ‘Augustine’

telah memperoleh markah terendah iaitu sebanyak 20 % sahaja. Walau bagaimanapun kesemua daripada mereka dianggap “Tidak Lulus’ kerana tidak berjaya melepasi peratusan markah yang telah ditetapkan iaitu sebanyak 80 %.

Jadual 3

Keputusan Ujian Saringan Matematik bagi Kelas 2 Perdana

Bil	Nama	Jantina	Ujian Saringan (%)
			MT
1	Alice	P	28
2	Amylia	P	16
3	Asmah	P	28
4	Camelia	P	22
5	Dio	P	16
6	Liviana	P	12
7	Medelin	P	22
8	Suzanna	P	24
9	Venessa	P	26
10	Flora	P	22
11	Augustine	L	22
12	Garyson	L	26
13	Roy	L	28
14	Triston	L	24


Nota : Markah Lulus adalah 80 %

Jadual 3 yang dipaparkan di atas, merupakan ‘Keputusan Ujian Saringan Matematik’ bagi Kelas 2 Perdana. Hasilnya didapati bahawa kesemua murid Kelas 2 Perdana yang telah mengikuti ujian berkenaan, telah ‘Tidak Lulus’. Hal ini memperkukuhkan lagi pencalonan mereka untuk memasuki Kelas Pemulihan Khas. Keputusannya ialah seramai 14 orang murid dari Kelas

2 Perdana telah layak memasuki Kelas Pemulihan Khas, setelah tidak berjaya melepasi peratusan markah yang telah ditetapkan.

Graf Bar 2

Keputusan Ujian Saringan Matematik bagi Kelas 2 Perdana



Nota : Markah Lulus adalah 80 %

Graf Bar 2 yang dipaparkan di atas, merupakan ‘Keputusan Ujian Saringan Matematik’ bagi Kelas 2 Perdana. Hasil analisis daripada graf bar yang ditunjukkan didapati bahawa seramai tiga orang murid yang bernama ‘Alice, Asmah dan Roy’ yang masing-masing telah memperolehi markah tertinggi iaitu sebanyak 28 %. Manakala murid bernama ‘Liviana’ telah memperolehi markah terendah iaitu sebanyak 12 % sahaja. Walau bagaimanapun kesemua daripada mereka dianggap ‘Tidak Lulus’ kerana tidak berjaya melepasi peratusan markah yang telah ditetapkan iaitu sebanyak 80 %.

Seterusnya dipaparkan Jadual 4, Jadual 5, Graf Bar 3 dan Graf Bar 4 di bawah dan di sebelah yang menunjukkan keputusan ‘Ujian Saringan Bahasa Melayu dan Matematik’ bagi kelas 3 Satria. Hasil kajian ini mendapati bahawa murid-murid dari Kelas 3 Satria adalah seramai 14 orang, bilangan pelajar lelaki seramai tujuh orang dan pelajar perempuan juga tujuh orang. Ujian Saringan ini telah dijalankan di Kelas Pemulihan Khas S. K. Kampong Baru, Kapit, Sarawak. Selain itu, turut didapati bahawa kesemua murid ini telah ‘Gagal’ bagi kedua-dua mata pelajaran tersebut iaitu dalam ‘Ujian Saringan Bahasa Melayu’ mahupun ‘Ujian Saringan Matematik’.

Jadual 4

Keputusan Ujian Saringan Bahasa Melayu bagi Kelas 3 Satria


Bil	Nama	Jantina	Ujian Saringan (%)
			BM
1	Elina	P	58
2	Felicitas	P	57
3	Girle	P	40
4	Liza	P	36
5	Nurul	P	72
6	Silvia	P	35
7	Susanti	P	50
8	Panus	L	52
9	Alberthon	L	30
10	Edmund	L	47
11	Jeremy	L	69
12	Johary	L	36
13	Jonathan	L	49
14	Patherickson	L	71

Nota : Markah Lulus adalah 80 %

Jadual 4 yang dipaparkan di sebelah, merupakan ‘Keputusan Ujian Saringan Bahasa Melayu’ bagi Kelas 3 Satria. Hasilnya didapati bahawa kesemua murid Kelas 3 Satria yang telah mengikuti ujian berkenaan, telah ‘Tidak Lulus’. Hal ini memperkukuhkan lagi pencalonan mereka untuk memasuki Kelas Pemulihan Khas. Keputusannya ialah seramai 14 orang murid dari Kelas 3 Satria telah layak memasuki Kelas Pemulihan Khas, setelah tidak berjaya melepasi peratusan markah yang telah ditetapkan.

Graf Bar 3

Keputusan Ujian Saringan Bahasa Melayu bagi Kelas 3 Satria



Nota : Markah Lulus adalah 80 %

Graf Bar 3 yang dipaparkan di atas, merupakan ‘Keputusan Ujian Saringan Bahasa Melayu’ bagi Kelas 3 Satria. Hasil analisis daripada graf bar yang

ditunjukkan didapati bahawa murid bernama ‘Nurul’ telah memperolehi markah tertinggi iaitu sebanyak 72 %. Manakala murid bernama ‘Alberthon’ telah memperolehi markah terendah iaitu sebanyak 30 % sahaja. Walau bagaimanapun kesemua daripada mereka dianggap “Tidak Lulus’ kerana tidak berjaya melepasi peratusan markah yang telah ditetapkan iaitu sebanyak 80 %.

Jadual 5
Keputusan Ujian Saringan Matematik bagi Kelas 3 Satria

Bil	Nama	Jantina	Ujian Saringan (%)
			MT
1	Elina	P	14
2	Felicitas	P	50
3	Girle	P	16
4	Liza	P	18
5	Nurul	P	16
6	Silvia	P	24
7	Susanti	P	18
8	Panus	L	35
9	Alberthon	L	12
10	Edmund	L	28
11	Jeremy	L	30
12	Johary	L	26
13	Jonathan	L	36
14	Patherickson	L	40


Nota : Markah Lulus adalah 80 %

Jadual 5 yang dipaparkan di atas, merupakan ‘Keputusan Ujian Saringan Matematik’ bagi Kelas 3 Satria. Hasilnya didapati bahawa kesemua murid Kelas 3 Satria yang telah mengikuti ujian berkenaan, telah ‘Tidak Lulus’. Hal

ini memperkuat lagi pencalonan mereka untuk memasuki Kelas Pemulihan Khas. Keputusannya ialah seramai 14 orang murid dari Kelas 3 Satria telah layak memasuki Kelas Pemulihan Khas, setelah tidak berjaya melepasi peratusan markah yang telah ditetapkan.

Graf Bar 4

Keputusan Ujian Saringan Matematik bagi Kelas 3 Satria



Nota : Markah Lulus adalah 80 %

Graf Bar 4 yang dipaparkan di atas, merupakan ‘Keputusan Ujian Saringan Matematik’ bagi Kelas 3 Satria. Hasil analisis daripada graf bar yang ditunjukkan didapati bahawa murid yang bernama ‘Felicitas’ telah memperolehi markah tertinggi iaitu sebanyak 50 %. Manakala murid bernama ‘Alberthon’ telah memperolehi markah terendah iaitu sebanyak 12 % sahaja. Walau bagaimanapun kesemua daripada mereka dianggap ‘Tidak

Lulus' kerana tidak berjaya melepasi peratusan markah yang telah ditetapkan iaitu sebanyak 80 %.

Rumusan daripada hasil Kajian 'Ujian Saringan Bahasa Melayu dan Matematik' terhadap penguasaan 3M murid-murid Pemulihan Khas, mendapati bahawa kesemua murid dari Kelas 2 Perdana dan 3 Satria telah 'Gagal' dalam kedua-dua ujian berkenaan. Keadaan sedemikian telah memperkukuhkan lagi pencalonan mereka untuk memasuki Kelas Pemulihan Khas.

4.3 Hasil Kajian 'Ujian Diagnostik Bahasa Melayu Dan Matematik' Terhadap Penguasaan 3M Murid-Murid Pemulihan Khas

Jadual 6, Jadual 7, Graf Bar 5 dan Graf Bar 6 di sebelah menunjukkan keputusan 'Ujian Diagnostik Bahasa Melayu dan Matematik' bagi kelas 2 Perdana. Hasil kajian ini mendapati bahawa terdapat seramai 14 orang murid telah disenaraikan bagi mengikuti Ujian Diagnostik tersebut. Murid-murid dari Kela 2 Perdana adalah seramai 14 orang, bilangan pelajar lelaki seramai empat orang dan pelajar perempuan seramai sepuluh orang. Ujian Saringan ini telah dijalankan di Kelas Pemulihan Khas S. K. Kampong Baru, Kapit, Sarawak. Selain itu, turut didapati bahawa kesemua murid ini telah 'Gagal' dalam 'Ujian Diagnostik Bahasa Melayu'. Manakala dalam 'Ujian Diagnostik

Matematik’ terdapat seramai tiga orang murid yang telah ‘Lulus’. Walau bagaimanapun ketiga-tiga orang murid ini masih tetap ditempatkan di Kelas Pemulihan Khas. Hal ini sedemikian kerana mereka masih lagi didapati ‘Gagal’ dalam ‘Ujian Diagnostik Bahasa Melayu’. Oleh yang demikian, peranan Guru Pemulihan Khas dalam merancang satu program pengajaran dan pembelajaran yang khusus kepada mereka, sama ada yang berbentuk individu ataupun kumpulan dengan lebih tepat dan sistematik lagi, amatlah diharapkan khususnya kepada murid-murid Pemulihan Khas Kelas 2 Perdana.

Jadual 6
Keputusan Ujian Diagnostik Bahasa Melayu bagi Kelas 2 Perdana


Bil	Nama	Jantina	Ujian Diagnostik (%)
			BM
1	Alice	P	46
2	Amylia	P	33
3	Asmah	P	33
4	Camelia	P	72
5	Dio	P	30
6	Liviana	P	41
7	Medelin	P	48
8	Suzanna	P	64
9	Venessa	P	46
10	Flora	P	41
11	Augustine	L	21
12	Garyson	L	39
13	Roy	L	34
14	Triston	L	64

Nota : Markah Lulus adalah 80 %

Jadual 6 yang dipaparkan di sebelah, merupakan ‘Keputusan Ujian Diagnostik Bahasa Melayu’ bagi Kelas 2 Perdana. Hasilnya didapati bahawa kesemua murid Kelas 2 Perdana yang telah mengikuti ujian berkenaan, telah ‘Tidak Lulus’. Hal ini memperkukuhkan lagi pencalonan mereka untuk memasuki Kelas Pemulihan Khas. Keputusannya ialah seramai 14 orang murid dari Kelas 2 Perdana telah layak memasuki Kelas Pemulihan Khas, setelah tidak berjaya melepasi peratusan markah yang telah ditetapkan.

Graf Bar 5

Keputusan Ujian Diagnostik Bahasa Melayu bagi Kelas 2 Perdana



Nota : Markah Lulus adalah 80 %

Graf Bar 5 yang dipaparkan di atas, merupakan ‘Keputusan Ujian Diagnostik Bahasa Melayu’ bagi Kelas 2 Perdana. Hasil analisis daripada graf bar yang

ditunjukkan didapati bahawa murid bernama ‘Camelia’ telah memperolehi markah tertinggi iaitu sebanyak 72 %. Manakala murid bernama ‘Augustine’ telah memperolehi markah terendah iaitu sebanyak 21 % sahaja. Walau bagaimanapun kesemua daripada mereka dianggap “Tidak Lulus’ kerana tidak berjaya melepasi peratusan markah yang telah ditetapkan iaitu sebanyak 80 %.

Jadual 7
Keputusan Ujian Diagnostik Matematik bagi Kelas 2 Perdana


Bil	Nama	Jantina	Ujian Diagnostik (%)
			MT
1	Alice	P	24
2	Amylia	P	54
3	Asmah	P	68
4	Camelia	P	80
5	Dio	P	20
6	Liviana	P	38
7	Medelin	P	32
8	Suzanna	P	84
9	Venessa	P	16
10	Flora	P	24
11	Augustine	L	10
12	Garyson	L	24
13	Roy	L	74
14	Triston	L	80

Nota : Markah Lulus adalah 80 %

Jadual 7 yang dipaparkan di atas, merupakan ‘Keputusan Ujian Diagnostik Matematik’ bagi Kelas 2 Perdana. Hasilnya didapati bahawa seramai tiga orang murid telah ‘Lulus’ dan selebihnya iaitu seramai 11 orang telah ‘Gagal’ dalam ujian berkenaan. Walau bagaimanapun kesemua daripada mereka,

terutama tiga orang murid yang telah ‘Lulus’ itu masih tetap ditempatkan di Kelas Pemulihan Khas. Hal ini sedemikian kerana mereka masih lagi didapati ‘Gagal’ dalam ‘Ujian Diagnostik Bahasa Melayu’, sekali gus tidak berjaya melepasi peratusan markah yang telah ditetapkan.

Graf Bar 6
Keputusan Ujian Diagnostik Matematik bagi Kelas 2 Perdana



Nota : Markah Lulus adalah 80 %

Graf Bar 6 yang dipaparkan di atas, merupakan ‘Keputusan Ujian Diagnostik Matematik’ bagi Kelas 2 Perdana. Hasil analisis daripada graf bar yang ditunjukkan didapati bahawa murid yang bernama ‘Suzanna’ telah memperolehi markah tertinggi iaitu sebanyak 84 %, lantas murid ini dianggap ‘Lulus’. Manakala murid bernama ‘Augustine’ telah memperolehi markah

terendah iaitu sebanyak 10 % sahaja. Walau bagaimanapun kesemua daripada mereka, terutama tiga orang murid yang telah 'Lulus' itu masih tetap ditempatkan di Kelas Pemulihan Khas. Hal ini sedemikian kerana mereka masih lagi didapati 'Gagal' dalam 'Ujian Diagnostik Bahasa Melayu', sekali gus tidak berjaya melepasi peratusan markah yang telah ditetapkan.


Seterusnya dipaparkan Jadual 8, Jadual 9, Graf Bar 7 dan Graf Bar 8 di sebelah yang menunjukkan keputusan 'Ujian Diagnostik Bahasa Melayu dan Matematik' bagi kelas 3 Satria. Hasil kajian ini mendapati bahawa murid-murid dari Kelas 3 Satria adalah seramai 14 orang, bilangan pelajar lelaki seramai tujuh orang dan pelajar perempuan juga tujuh orang. Ujian Diagnostik ini telah dijalankan di Kelas Pemulihan Khas S. K. Kampong Baru, Kapit, Sarawak. Selain itu, turut didapati bahawa kesemua murid ini telah 'Gagal' dalam 'Ujian Diagnostik Bahasa Melayu'. Manakala bagi 'Ujian Diagnostik Matematik' terdapat seramai lima orang telah 'Lulus'. Walau bagaimanapun kesemua mereka ini tetap berada di Kelas Pemulihan Khas kerana masih tidak berjaya melepasi tahap 'Lulus' bagi kedua-dua ujian berkenaan.

Jadual 8***Keputusan Ujian Diagnostik Bahasa Melayu bagi Kelas 3 Satria***

Bil	Nama	Jantina	Ujian Diagnostik (%)
			BM
1	Elina	P	63
2	Felicitas	P	67
3	Girle	P	45
4	Liza	P	42
5	Nurul	P	55
6	Silvia	P	52
7	Susanti	P	48
8	Panus	L	61
9	Alberthon	L	24
10	Edmund	L	36
11	Jeremy	L	60
12	Johary	L	50
13	Jonathan	L	41
14	Patherickson	L	23

Nota : Markah Lulus adalah 80 %

Jadual 8 yang dipaparkan diatas, merupakan ‘Keputusan Ujian Diagnostik Bahasa Melayu’ bagi Kelas 3 Satria. Hasilnya didapati bahawa kesemua murid Kelas 3 Satria yang telah mengikuti ujian berkenaan, telah ‘Gagal’. Hal ini memperkukuhkan lagi pencalonan mereka untuk memasuki Kelas Pemulihan Khas. Keputusannya ialah seramai 14 orang murid dari Kelas 3 Satria telah layak memasuki Kelas Pemulihan Khas, setelah tidak berjaya melepasi peratusan markah yang telah ditetapkan.

Graf Bar 7***Keputusan Ujian Diagnostik Bahasa Melayu bagi Kelas 3 Satria***

Nota : Markah Lulus adalah 80 %

Graf Bar 7 yang dipaparkan di atas, merupakan 'Keputusan Ujian Diagnostik Bahasa Melayu' bagi Kelas 3 Satria. Hasil analisis daripada graf bar yang ditunjukkan didapati bahawa murid yang bernama 'Felicitas' telah memperolehi markah tertinggi iaitu sebanyak 67 %. Manakala murid bernama 'Patherickson' telah memperolehi markah terendah iaitu sebanyak 23 % sahaja. Walau bagaimanapun kesemua daripada mereka dianggap 'Gagal' kerana tidak berjaya melepasi peratusan markah yang telah ditetapkan iaitu sebanyak 80 %.

Jadual 9


Keputusan Ujian Diagnostik Matematik bagi Kelas 3 Satria

Bil	Nama	Jantina	Ujian Diagnostik (%)
			MT
1	Elina	P	24
2	Felicitas	P	94
3	Girle	P	76
4	Liza	P	54
5	Nurul	P	20
6	Silvia	P	44
7	Susanti	P	38
8	Panus	L	58
9	Alberthon	L	20
10	Edmund	L	38
11	Jeremy	L	88
12	Johary	L	90
13	Jonathan	L	82
14	Patherickson	L	88

Nota : Markah Lulus adalah 80 %

Jadual 9 yang dipaparkan di atas, merupakan ‘Keputusan Ujian Diagnostik Matematik’ bagi Kelas 3 Satria. Hasilnya didapati bahawa terdapat seramai lima orang murid yang telah ‘Lulus’ dan selebihnya iaitu seramai 9 orang telah ‘Gagal’ dalam ujian berkenaan. Walau bagaimanapun kesemua mereka ini tetap berada di Kelas Pemulihan Khas kerana masih tidak berjaya melepasi tahap ‘Lulus’ bagi kedua-dua ujian berkenaan.

Graf Bar 8

Keputusan Ujian Diagnostik Matematik bagi Kelas 3 Satria

Nota : Markah Lulus adalah 80 %

Graf Bar 8 yang dipaparkan di atas, merupakan ‘Keputusan Ujian Diagnostik Matematik’ bagi Kelas 3 Satria. Hasil analisis daripada graf bar yang ditunjukkan didapati bahawa murid yang bernama ‘Felicitas’ telah memperolehi markah tertinggi iaitu sebanyak 94 %, lantas murid ini dianggap ‘Lulus’. Manakala terdapat dua orang murid iaitu ‘Nurul dan Alberthon’ telah memperolehi markah terendah iaitu sebanyak 20 % sahaja. Walau bagaimanapun kesemua daripada mereka, terutama lima orang murid yang telah ‘Lulus’ itu masih tetap ditempatkan di Kelas Pemulihan Khas. Hal ini sedemikian kerana mereka masih lagi didapati ‘Gagal’ dalam ‘Ujian Diagnostik Bahasa Melayu’, sekali gus tidak berjaya melepasi kedua-dua ujian yang telah diikuti.

Rumusan daripada hasil Kajian ‘Ujian Diagnostik Bahasa Melayu dan Matematik’ terhadap penguasaan 3M murid-murid Pemulihan Khas mendapati bahawa kesemua murid dari Kelas 2 Perdana dan 3 Satria telah ‘Gagal’ dalam ‘Ujian Diagnostik Bahasa Melayu’. Walau bagaimanapun bagi ‘Ujian Diagnostik Matematik’ terdapat seramai tiga orang murid dari Kelas 2 Perdana dan lima orang murid dari Kelas 3 Satria yang telah ‘Lulus’. Tetapi keputusan ujian sedemikian, tidak memenuhi prasyarat yang mengkehendaki murid-murid terbabit perlu ‘Lulus’ dalam kedua-dua ujian berkenaan. Jika hanya salah satu sahaja yang ‘Lulus’ dan satu ujian lagi ‘Gagal’, mereka ini dianggap ‘Gagal’ kerana tidak berjaya melepasi prasyarat yang telah ditetapkan. Keadaan sedemikian telah memperkukuhkan lagi pencalonan mereka untuk memasuki Kelas Pemulihan Khas.

4.4 Hasil Kajian ‘Ujian Pengamatan’ Terhadap Penguasaan 3M Murid-Murid Pemulihan Khas


Jadual 10 dan Graf Bar 9 di bawah dan di sebelah menunjukkan keputusan ‘Ujian Pengamatan’ bagi kelas 2 Perdana. Hasil kajian ini mendapati bahawa terdapat seramai 14 orang murid telah disenaraikan bagi mengikuti ‘Ujian Pengamatan’ tersebut. Murid-murid dari Kela 2 Perdana adalah seramai 14 orang, bilangan pelajar lelaki seramai empat orang dan pelajar perempuan seramai sepuluh orang. ‘Ujian Pengamatan’ ini telah dijalankan di Kelas Pemulihan Khas S. K. Kampong Baru, Kapit, Sarawak.

Jadual 10
Keputusan Ujian Pengamatan bagi Kelas 2 Perdana

Bil	Nama	Jantina	Ujian Pengamatan (%)
1	Alice	P	36
2	Amylia	P	60
3	Asmah	P	48
4	Camelia	P	62
5	Dio	P	60
6	Liviana	P	48
7	Medelin	P	56
8	Suzanna	P	86
9	Venessa	P	60
10	Flora	P	60
11	Augustine	L	28
12	Garyson	L	72
13	Roy	L	90
14	Triston	L	58

Nota : Markah Lulus adalah 80 %

Jadual 10 yang dipaparkan di atas, merupakan ‘Keputusan Ujian Pengamatan’ bagi Kelas 2 Perdana. Hasilnya didapati bahawa seramai dua orang murid telah ‘Lulus’ dan selebihnya iaitu seramai 12 orang telah ‘Gagal’ dalam ujian berkenaan. Walau bagaimanapun kesemua daripada mereka, terutama dua orang murid yang telah ‘Lulus’ itu masih tetap ditempatkan di Kelas Pemulihan Khas. Hal ini sedemikian kerana mereka masih lagi didapati ‘Gagal’ dalam beberapa ujian yang telah diikuti, sekali gus mereka dianggap tidak berjaya melepasi peratusan markah yang telah ditetapkan.

Graf Bar 9***Keputusan Ujian Pengamatan bagi Kelas 2 Perdana***

Nota : Markah Lulus adalah 80 %

Graf Bar 9 yang dipaparkan di atas, menunjukkan ‘Keputusan Ujian Pengamatan’ bagi Kelas 2 Perdana. Hasil analisis daripada graf bar yang ditunjukkan didapati bahawa murid yang bernama ‘Roy’ telah memperolehi markah tertinggi iaitu sebanyak 90 %, lantas murid ini dianggap ‘Lulus’. Manakala murid bernama ‘Augustine’ telah memperolehi markah terendah iaitu sebanyak 28 % sahaja. Walau bagaimanapun kesemua daripada mereka, terutama dua orang murid yang telah ‘Lulus’ itu masih tetap ditempatkan di Kelas Pemulihan Khas. Hal ini sedemikian kerana mereka masih lagi didapati ‘Gagal’ dalam beberapa ujian yang telah diikuti, sekali gus mereka dianggap tidak berjaya melepasi peratusan markah yang telah ditetapkan.

Seterusnya dipaparkan Jadual 11 dan Graf Bar 10 yang menunjukkan keputusan ‘Ujian Pengamatan’ bagi kelas 3 Satria. Hasil kajian ini mendapati bahawa murid-murid dari Kelas 3 Satria adalah seramai 14 orang, bilangan pelajar lelaki seramai tujuh orang dan pelajar perempuan juga tujuh orang. ‘Ujian Pengamatan’ ini telah dijalankan di Kelas Pemulihan Khas S. K. Kampong Baru, Kapit, Sarawak. Selain itu, turut didapati bahawa terdapat seramai empat orang murid yang telah ‘Lulus’ dan selebihnya iaitu seramai 10 orang lagi telah ‘Gagal’. Walau bagaimanapun kesemua mereka ini tetap berada di Kelas Pemulihan Khas kerana mereka masih lagi didapati ‘Gagal’ dalam beberapa ujian yang telah diikuti, sekali gus mereka dianggap tidak berjaya melepasi peratusan markah yang telah ditetapkan.

Jadual 11

Keputusan Ujian Pengamatan bagi Kelas 3 Satria


Bil	Nama	Jantina	Ujian Pengamatan (%)
1	Elina	P	66
2	Felicitas	P	96
3	Girle	P	82
4	Liza	P	54
5	Nurul	P	70
6	Silvia	P	74
7	Susanti	P	80
8	Panus	L	77
9	Alberthon	L	52
10	Edmund	L	72
11	Jeremy	L	78
12	Johary	L	68
13	Jonathan	L	74
14	Patherickson	L	80

Nota : Markah Lulus adalah 80 %

Jadual 11 yang dipaparkan di sebelah, merupakan ‘Keputusan Ujian Pengamatan’ bagi Kelas 3 Satria. Hasilnya didapati bahawa terdapat seramai empat orang murid yang telah ‘Lulus’ dan selebihnya iaitu seramai 10 orang telah ‘Gagal’ dalam ujian berkenaan. Walau bagaimanapun kesemua daripada mereka, terutama empat orang murid yang telah ‘Lulus’ itu masih tetap ditempatkan di Kelas Pemulihan Khas. Hal ini sedemikian kerana mereka masih lagi didapati ‘Gagal’ dalam beberapa ujian yang telah diikuti, sekali gus mereka dianggap tidak berjaya melepasi peratusan markah yang telah ditetapkan.

Graf Bar 10

Keputusan Ujian Pengamatan bagi Kelas 3 Satria



Nota : Markah Lulus adalah 80 %

Graf Bar 10 yang dipaparkan di atas, merupakan ‘Keputusan Ujian Pengamatan’ bagi Kelas 3 Satria. Hasil analisis daripada graf bar yang

ditunjukkan didapati bahawa murid yang bernama 'Felicitas' telah memperolehi markah tertinggi iaitu sebanyak 96 %, lantas murid ini dianggap 'Lulus'. Manakala murid yang bernama 'Alberthon' telah memperolehi markah terendah iaitu sebanyak 52 % sahaja. Walau bagaimanapun kesemua daripada mereka, terutama empat orang murid yang telah 'Lulus' itu masih tetap ditempatkan di Kelas Pemulihan Khas. Hal ini sedemikian kerana mereka masih lagi didapati 'Gagal' dalam beberapa ujian yang telah diikuti, sekali gus mereka dianggap tidak berjaya melepasi peratusan markah yang telah ditetapkan.

Rumusan daripada hasil Kajian 'Ujian Pengamatan' terhadap penguasaan 3M murid-murid Pemulihan Khas mendapati bahawa bagi Kelas 2 Perdana terdapat seramai dua orang murid telah 'Lulus' dan selebihnya iaitu 12 orang telah 'Gagal' dalam ujian ini. Manakala bagi Kelas 3 Satria pula, didapati bahawa seramai empat orang murid telah 'Lulus' dan 10 orang muridnya telah 'Gagal' dalam ujian terbabit. Walaupun didapati ada yang 'Lulus' tetapi keputusan ujian sedemikian, tidak memenuhi prasyarat yang mengkehendaki murid-murid terbabit perlu 'Lulus' dalam kesemua ujian yang telah diikuti. Jika hanya salah satu sahaja yang 'Lulus' dan satu ujian lagi 'Gagal', mereka ini dianggap 'Gagal' kerana tidak berjaya melepasi prasyarat yang telah ditetapkan. Keadaan sedemikian telah memperkukuhkan lagi pencalonan mereka untuk memasuki Kelas Pemulihan Khas.

4.5 Pengajaran Dan Pembelajaran Murid-Murid Pemulihan Khas

Kajian diteruskan lagi dengan melihat hasil pemerhatian yang telah dilakukan oleh pengkaji terhadap cara pengajaran dan pembelajaran yang telah dilakukan oleh Guru Pemulihan Khas terhadap murid-murid Pemulihan Khas di S. K. Kampong Baru, Kapit, Sarawak. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat seramai 28 orang murid yang mengikuti Kelas Pemulihan Khas ini. Mereka dipecahkan kepada dua kumpulan mengikut kelas masing-masing. Kelas yang terlibat ialah dari Tahap Satu yang melibatkan Kelas 2 Perdana dan 3 Satria. Kelas 2 Perdana mempunyai murid seramai 14 orang, bilangan pelajar lelaki seramai empat orang dan pelajar perempuan seramai sepuluh orang. Manakala bagi Kelas 3 Satria pula, terdapat seramai 14 orang pelajar, bilangan pelajar lelaki seramai tujuh orang dan pelajar perempuan juga tujuh orang. Kesemua mereka ini merupakan murid-murid yang telah dikenal pasti dan layak mengikuti Program Pemulihan Khas, setelah mereka didapati tidak melepasi atau 'Gagal' dalam 'Ujian Saringan Bahasa Melayu dan Matematik' yang telah dijalankan oleh Guru Pemulihan Khas terbabit.

Hasil pemerhatian yang telah dijalankan oleh pengkaji, mendapati bahawa Guru Pemulihan Khas di S. K. Kampong Baru, Kapit, Sarawak, mempraktikkan kaedah pengajaran pemulihan secara kumpulan dan Individu. Selain itu, beliau juga turut menitikberatkan dua aspek penting sebelum

merancang pengajaran iaitu apa yang diketahui oleh murid sebelum pengajaran dimulakan dan apa yang perlu diketahui oleh murid selepas pengajaran dilakukan. Contohnya, sewaktu mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu untuk Kelas 2 Perdana, Guru Pemulihan Khas ini terlebih dahulu menguji tahap pengetahuan sedia ada murid-murid Pemulihan Khas terbabit dengan mengkehendaki mereka membacakan abjad-abjad bermula dari a hingga z. Memang diakui tidak kesemua pelajar Kelas 2 Perdana mampu melakukannya. Didapati juga segelintir daripada mereka hanya dapat menyebut huruf-huruf awal sahaja seperti a, b, c dan d sahaja. Manakala yang selebihnya, Guru Pemulihan Khas terpaksa memantau dan membantu cara-cara penyebutan huruf-huruf abjad a hingga z yang betul. Hal ini memperlihatkan betapa Guru Pemulihan Khas berkenaan mengambil berat mengenai tahap penguasaan berbahasa murid-muridnya, sekali gus mengambil kira pengetahuan sedia ada pada setiap orang muridnya.

Guru Pemulihan Khas terbabit selanjutnya meneruskan pengajaran dan pembelajaran mengenai perkataan dua suku kata V + KV. Di sini beliau memulakan dengan mengeja suku kata perkataan bermakna, contohnya, a + pi = api (Extract 1 : line 32, 33, 34, 35, 36, 37) Proses mengeja suku kata ini dimulakan daripada yang mudah iaitu dua suku kata (KVKV). Hal ini dapat dibuktikan melalui paparan pada Extract 1 yang ditunjukkan.

Ekstrak 1 : P & P Perkataan Dua Suku Kata V + KV.

31	G	Baiklah, contohnya perkataan yang ada kaitan dengan V + KV (<i>sambil menoleh ke sudut atas papan tulis, menunjukkan tajuk V + KV yang telah ditulis sebelum ini</i>)
32	MM	<i>a... pi... (murid-murid menyebut dan ada yang memuding jari menunjuk perkataan yang ditulis di papan tulis)</i>
33	G	A... bunyinya ah... (<i>sambil menunjukkan ABM yang dimaksudkan</i>)
34	MM	A... ah... (<i>murid-murid ikut mengeja</i>)
35	G	P... bunyinya pi... (<i>sambil menunjukkan ABM yang dimaksudkan</i>)
36	MM	P... pi... (<i>murid-murid ikut mengeja</i>)
37	MM	A... ah... , P... pi... (<i>murid-murid kembali mengeja</i>)
38	G	Baik, baik kamu kan... (<i>sambil meletakkan ABM yang digunakan dan menoleh ke arah murid-muridnya</i>) cikgu dah ajar kamu dulu kan.

Selain itu, bagi mempelbagaikan cara pengajaran dan pembelajaran, Guru Pemulihan Khas terbabit turut menggunakan alat bantu mengajar (ABM), contohnya kad-kad cantuman (Extract 2 : 121, 123). Di sini murid-murid digalakkan secara kumpulan mahupun individu mencari suku kata - suku kata tertentu, untuk dicantumkan menjadi perkataan-perkataan yang bermakna,

contohnya, $a + da = ada$. Hal ini dapat dibuktikan melalui paparan pada Extract 2 yang ditunjukkan.

Ekstrak 2 : Penggunaan Alat Bantu Mengajar (ABM)

		<i>(Lalu selepas ini, murid-murid ke semuanya dikehendaki duduk dalam bulatan. Di tengah-tengah mereka diletakkan ABM berbentuk kad-kad cantuman)</i>
116	M	Kan... tan... tan.. <i>(kedengaran segelintir murid bersuara sambil memegang-megang kad-kad cantuman)</i>
117	G	Apa tu... cuba eja... <i>(Guru mengarahkan cuba eja kepada murid-muridnya)</i>
118	MM	a... <i>(sebahagian murid-murid masih mencari-cari apa yang hendak dieja)</i>
119	G	d... a... , da <i>(Guru memberikan satu contoh ejaan)</i>
120	MM	da... <i>(murid-murid mengikut apa yang diperkatakan oleh guru)</i>
121	G	Ok ... pilih apa yang ada tu... <i>(Guru membenarkan murid-murid memilih kad-kad cantuman yang sesuai)</i>
		<i>(Seorang murid yang diarahkan cuba mencari suku kata yang bersesuaian untuk dicantumkan menjadi satu perkataan yang bermakna)</i>
122	G	a... betul kah?
123	MM	a... betul <i>(salah seorang murid (lelaki) menunjukkan hasil pilihan kad cantuman yang dibuatnya iaitu $a + da = ada$)</i>
124	G	Berikan tepukan <i>(semua murid bertepuk tangan memberi perangsang kepada rakan mereka yang telah menjawab dengan betul)</i>

Oleh hal yang demikian , didapati bahawa cara pengajaran dan pembelajaran sedemikian mampu memperkukuhkan lagi matlamat pengajaran Kelas Pemulihan Khas yang mengkehendaki murid-murid Pemulihan Khas terbabit dapat mengetahui dan memahami apa yang dipelajari, khususnya selepas selesainya satu-satu pengajaran itu dilakukan.

Lantas, di akhir setiap sesi pengajaran dan pembelajaran, Guru Pemulihan Khas berkenaan seharusnya dan semestinya dikehendaki melakukan penilaian terhadap setiap perkembangan yang ditunjukkan, khususnya berkaitan penguasaan 3M murid-murid Pemulihan Khas terbabit. Hal ini diperjelaskan lagi melalui ‘Temubual Berstruktur’ antara pengkaji dan Guru Pemulihan Khas. Berikut merupakan hasil perbualan yang telah dijalankan.

Soalan Temu Bual (Dewi)

Bagaimanakah corak P & P Bahasa Melayu yang dipraktikkan oleh cikgu di dalam kelas?

Jawapan Temu Bual (Angela)

Ok. Corak P & P a...saya menekankan kepada pelajaran a...Bahasa Malaysia terlebih dahulu. Ok...mereka ini...a...mula-mula saya mengajar mereka secara...a... dimulakan oleh guru dulu, terlebih dahulu. Terutama memberi pengenalan pembelajaran mereka, dan kemudian a... saya memberi peluang kepada mereka, a... mengenalkan benda itu, mengenalkan konsep itu kepada mereka, supaya mereka faham, apa yang bakal dipelajari dan kemudian, seterusnya aktiviti secara ber... apa tu... secara beramai-ramai terlebih dahulu, dan kemudian, a... aktiviti yang telah diajarkan oleh cikgu itu kemudian disusuli pula dengan, a... aktiviti secara berkumpulan. Ok, dan seterusnya

secara individu. Ini adalah untuk mengenal pasti, a... pelajar-pelajar yang lemah.

Soalan Temu Bual (Dewi)

Bagaimanakah pula corak P & P Matematik yang dipraktikkan oleh cikgu di dalam kelas?

Jawapan Temu Bual (Angela)

Ok. Baik. Bagi... bagi corak P & P Matematik pula, saya lebih menekankan kepada pengajaran secara konsep, iaitu di mana saya akan menggunakan a... banyak ABM iaitu alat bantu mengajar, supaya dapat memahamkan mereka. Memahamkan mereka, a... tentang a... tentang pengiraan kah... ataupun konsep, ataupun sesuatu pelajaran Matematik tu, apakah contohnya, penambahan dan bagaimana caranya dan apakah sebab perlunya penambahan dilakukan, dan dengan bantuan ABM itu nanti, a... mereka boleh memahami pelajaran tersebut, kerana dengan adanya konsep dan ABM yang betul, maka mereka boleh memahami, dan kemudian saya akan bagi, memberikan mereka latihan pengukuhan dan juga soalan-soalan pengukuhan, latih tubi dan seterusnya, a... apa tu latihan yang disusuli dengan latihan pengukuhan yang seterusnya. A.. untuk mereka memahami... a... apa yang telah diajarkan.

Selanjutnya hal ini turut diperjelaskan lagi oleh Kamarudin (1988), yang menyatakan bahawa penilaian adalah satu proses yang dijalankan secara terus-menerus kerana penilaian dalam konteks pengajaran pemulihan adalah bertujuan untuk mengesan kemajuan murid-murid yang lemah dalam menjalani aktiviti pemulihan. Maklumat yang didapati daripada penilaian ini membolehkan guru menentukan tindakan yang selanjutnya iaitu dari segi 'Tindakan Susulan'. Di sini murid-murid yang telah menguasai konsep atau kemahiran-kemahiran tertentu akan menjalankan aktiviti-aktiviti susulan (tambahan) dan murid yang masih belum dapat menguasai konsep dan kemahiran itu akan meneruskan aktiviti pemulihan. Setelah murid-murid yang menghadapi masalah pembelajaran yang kompleks dijangkakan

mampu mengikuti pembelajaran di kelas-kelas biasa, mereka ini akan diberi aktiviti-aktiviti susulan. Aktiviti-aktiviti susulan ini merupakan usaha sokongan atau peneguhan untuk membiasakan murid-murid dengan masalah yang dihadapi. Aktiviti-aktiviti pengayaan harus diperbanyakkan. Guru-guru kelas dan guru-guru Pemulihan Khas harus bantu-membantu dalam merancang aktiviti-aktiviti tersebut. Ini penting untuk mengekalkan prestasi murid-murid yang dipulihkan itu.

4.6 Kesimpulan

Hasil daripada penyenaraian dapatan kajian berkaitan ‘Penguasaan 3M dalam kalangan murid-murid Pemulihan Khas : Kajian kes di salah sebuah Sekolah Rendah di kawasan Kapit, Sarawak’ didapati bahawa bermula dengan hasil kajian mengenai ‘Ujian Saringan Bahasa Melayu dan Matematik’ , ‘Ujian Diagnostik Bahasa Melayu dan Matematik’ dan akhir sekali ‘Ujian Pengamatan’, kesemuanya menjurus kepada satu matlamat iaitu ingin memantau tahap penguasaan 3M murid-murid Kelas 2 Perdana dan 3 Satria. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kesemua mereka layak mengikuti Program Pemulihan Khas. Lantas adalah diharapkan dengan adanya Guru Pemulihan Khas yang bertanggungjawab dan komited dengan tugasnya, tidak mustahil jika ditakdirkan suatu hari nanti murid-murid ini akan berjaya dipulihkan dan menjadi insan yang berjasa, sekali gus dapat menyumbang kepada kemakmuran agama, bangsa dan Negara secara amnya.

BAB V

PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan

Kajian ini dijalankan adalah bertujuan ingin meninjau ‘Penguasaan 3M dalam kalangan murid-murid Pemulihan Khas : Kajian kes di salah sebuah Sekolah Rendah di kawasan Kapit, Sarawak’

Kajian ini telah menggunakan kaedah kajian berbentuk Kualitatif dan Kuantitatif. Kaedah Kualitatif dipilih oleh pengkaji bagi mengetahui penguasaan 3M murid-murid Pemulihan Khas di dalam ujian pencapaian yang dijalankan. Manakala Kaedah Kuantitatif pula diguna pakai dalam ujian pencapaian yang melibatkan markah-markah murid-murid Pemulihan Khas dalam ‘Ujian Saringan Bahasa Melayu dan Matematik’, ‘Ujian Diagnostik Bahasa Melayu dan Matematik’ dan ‘Ujian Pengamatan’.

Data telah dikumpul melalui Ujian Pencapaian yang meliputi ‘Ujian Saringan Bahasa Melayu dan Matematik’, ‘Ujian Diagnostik Bahasa Melayu dan Matematik’ dan ‘Ujian Pengamatan’. Selain itu, pengkaji juga telah menggunakan ‘Kaedah Temubual Bersemuka’ iaitu temubual individu dengan Guru Pemulihan Khas terbabit. Jenis temubual adalah ‘Temubual Berstruktur’. Seterusnya pengkaji turut membuat penyelidikan perpustakaan

dan penggunaan alat-alat teknologi seperti kamera video, kaset kosong, perakam suara (*walkman*) dan penggunaan Internet.

Analisis kajian telah menggunakan 'Analisis Kandungan Data' iaitu meneliti semua data secara menyeluruh, tetapkan kategori data untuk dianalisis dan meneliti semua data sekali lagi.

Pengkaji juga turut mengklasifikasikan tiga soalan penyelidikan seperti berikut :-

1. Apakah pencapaian penguasaan 3M murid-murid Pemulihan Khas dalam 'Ujian Saringan Bahasa Melayu dan Matematik', 'Ujian Diagnostik Bahasa Melayu dan Matematik' dan 'Ujian Pengamatan'?
2. Bagaimanakah cara pelajar-pelajar Pemulihan Khas menguasai 3M, khususnya yang melibatkan pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas?
3. Apakah implikasi positif mahupun negatif 'Ujian Saringan Bahasa Melayu dan Matematik', 'Ujian Diagnostik Bahasa Melayu dan Matematik' dan 'Ujian Pengamatan' terhadap penguasaan 3M murid-murid Pemulihan Khas?

Oleh itu, dalam bab ini pengkaji akan membincangkan dapatan-dapatan kajian berasaskan hasil analisis yang telah dikemukakan dalam Bab Empat. Perbincangan, implikasi dan cadangan untuk kajian lanjutan juga akan dibincangkan.

5.2 Perbincangan

Dapatan kajian yang akan dibincangkan seperti di bawah adalah berdasarkan tiga soalan kajian yang telah dikemukakan.

Soalan Kajian 1 :

Apakah pencapaian penguasaan 3M murid-murid Pemulihan Khas dalam ‘Ujian Saringan Bahasa Melayu dan Matematik’, ‘Ujian Diagnostik Bahasa Melayu dan Matematik’ dan ‘Ujian Pengamatan’?

Hasil analisis dengan menggunakan ‘Ujian Pencapaian’ mendapati bahawa kesemua murid Kelas 2 Perdana, yang telah mengikuti ‘Ujian Saringan Bahasa Melayu dan Matematik’ yang telah dikendalikan oleh Guru Pemulihan Khas, mendapati bahawa tiada seorang pun murid yang ‘Lulus’ bagi kedua-dua Ujian Saringan berkenaan. Hal ini memperkukuhkan lagi pencalonan mereka untuk memasuki Kelas Pemulihan Khas. Keputusannya ialah seramai 14 orang pelajar dari Kelas 2 Perdana telah layak memasuki Kelas Pemulihan Khas, setelah tidak berjaya melepasi peratusan markah

yang telah ditetapkan. Mereka juga telah didapati ‘Gagal’ bagi kedua-dua mata pelajaran tersebut iaitu dalam ‘Ujian Saringan Bahasa Melayu’ mahupun ‘Ujian Saringan Matematik’.

Manakala bagi Kelas 3 Satria, didapati bahawa kesemua muridnya yang telah mengikuti ‘Ujian Saringan Bahasa Melayu dan Matematik’ yang telah dikendalikan oleh Guru Pemulihan Khas, turut mendapati hal yang sama telah berlaku iaitu tidak terdapat seorang pun murid yang ‘Lulus’ bagi kedua-dua Ujian Saringan berkenaan. Hal ini sekali gus memperkukuhkan lagi pencalonan mereka untuk memasuki Kelas Pemulihan Khas. Keputusannya ialah seramai 14 orang pelajar dari Kelas 3 Satria telah layak memasuki Kelas Pemulihan Khas, setelah tidak berjaya melepasi peratusan markah yang telah ditetapkan. Mereka juga telah didapati ‘Gagal’ bagi kedua-dua mata pelajaran tersebut iaitu dalam ‘Ujian Saringan Bahasa Melayu’ mahupun ‘Ujian Saringan Matematik’.

Lantas, jelaslah kini bahawa pengwujudan ‘Ujian Saringan Bahasa Melayu dan Matematik’ mampu menjadi alat pengukur bagi mengesan tahap keupayaan penguasaan asas 3M murid-murid Pemulihan Khas di S. K. Kampong Baru, Kapit, Sarawak. Hal ini turut diperkukuhkan lagi oleh pernyataan Jamilah Ahmad (1999), yang mengatakan bahawa ‘Ujian Saringan’ ialah satu ujian yang memberi pengukuran menyeluruh tentang

kelemahan dan kekuatan seseorang murid dalam kemahiran asas yang telah dipelajari.

Hasil analisis ‘Ujian Diagnostik Bahasa Melayu dan Matematik’ bagi Kelas 2 Perdana, didapati bahawa terdapat seramai tiga orang pelajar yang telah ‘Lulus’ dan selebihnya iaitu seramai 11 orang telah ‘Gagal’ dalam ‘Ujian Diagnostik Matematik’. Manakala bagi ‘Ujian Diagnostik Bahasa Melayu’ pula, didapati bahawa kesemua murid-murid ini telah ‘Gagal’. Oleh itu, keputusannya ialah kesemua daripada murid-murid ini telah dikenal pasti daerah-daerah kekuatan dan kelemahan mereka melalui Ujian Diagnostik yang telah dijalankan. Bagi tiga orang pelajar yang telah ‘Lulus’ dalam ‘Ujian Diagnostik Matematik’ berkenaan, mereka masih tetap ditempatkan di Kelas Pemulihan Khas. Hal ini sedemikian kerana mereka masih lagi didapati ‘Gagal’ dalam ‘Ujian Diagnostik Bahasa Melayu’. Walau bagaimanapun Guru Pemulihan Khas akan cuba merancang satu program pengajaran yang khusus kepada mereka, sama ada berbentuk individu atau kumpulan dengan lebih tepat dan sistematik lagi, khususnya kepada murid-murid Pemulihan Khas Kelas 2 Perdana.

Seterusnya hasil analisis ‘Ujian Diagnostik Bahasa Melayu dan Matematik’ bagi Kelas 3 Satria. Keputusannya didapati bahawa terdapat seramai lima orang pelajar yang telah ‘Lulus’ dan selebihnya iaitu seramai 9

orang telah 'Gagal' dalam 'Ujian Diagnostik Matematik'. Manakala bagi 'Ujian Diagnostik Bahasa Melayu' pula, didapati bahawa kesemua murid-murid ini telah 'Gagal'. Oleh itu, keputusannya ialah kesemua daripada murid-murid ini telah dikenal pasti daerah-daerah kekuatan dan kelemahan mereka melalui Ujian Diagnostik yang telah dijalankan. Bagi lima orang pelajar yang telah 'Lulus' dalam 'Ujian Diagnostik Matematik' berkenaan, mereka masih tetap ditempatkan di Kelas Pemulihan Khas. Hal ini sedemikian kerana mereka masih lagi didapati 'Gagal' dalam 'Ujian Diagnostik Bahasa Melayu'. Walau bagaimanapun Guru Pemulihan Khas akan cuba merancang satu program pengajaran yang khusus kepada mereka, sama ada berbentuk individu atau kumpulan dengan lebih tepat dan sistematik lagi, khususnya kepada murid-murid Pemulihan Khas Kelas 3 Satria.

Lantas, jelaslah kini bahawa pengwujudan 'Ujian Diagnostik Bahasa Melayu dan Matematik' mampu membantu Guru Pemulihan Khas mengesan tahap keupayaan penguasaan asas 3M murid-murid Pemulihan Khas di S. K. Kampong Baru, Kapit, Sarawak. Hal ini turut diperkukuhkan lagi oleh pernyataan Jamilah Ahmad (1999), yang mengatakan bahawa Ujian Diagnostik bertujuan membantu guru menganalisis kelemahan murid dalam sesuatu mata pelajaran atau kemahiran. Hasil daripada ujian ini juga membolehkan guru mencari dan mengesan kawasan kelemahan yang dihadapi oleh murid secara terperinci dan tepat. Di samping itu, guru dapat mengetahui sebab-sebab kelemahan itu berlaku. Keputusan ujian ini boleh menjadi

panduan kepada guru bagi memulakan Program Pemulihan khusus untuk murid-murid berkenaan. Secara tidak langsung guru juga dapat melihat kekuatan murid dalam aspek akademik. Dengan itu, guru juga dapat menentukan keperluan-keperluan murid-murid dalam aspek ini dan menentukan objektif pengajaran untuk mengatasi kelemahan murid.

Akhir sekali, mengenai hasil analisis ‘Ujian Pengamatan’. Bagi Kelas 2 Perdana didapati bahawa terdapat seramai dua orang sahaja yang telah ‘Lulus’ dan selebihnya iaitu seramai 12 orang telah ‘Gagal’ dalam ‘Ujian Pengamatan’ berkenaan. Oleh hal yang demikian, keputusannya ialah kesemua daripada murid-murid ini telah dikenal pasti tahap keupayaan pengamatan mereka melalui ‘Ujian Pengamatan’ yang telah dijalankan. Manakala bagi Kelas 3 Satria pula, didapati bahawa terdapat seramai empat orang pelajar yang telah ‘Lulus’ dan selebihnya iaitu seramai 10 orang telah ‘Gagal’ dalam ‘Ujian Pengamatan’ berkenaan. Oleh hal yang demikian, keputusannya ialah kesemua daripada murid-murid ini telah dikenal pasti tahap keupayaan pengamatan mereka melalui ‘Ujian Pengamatan’ yang telah dijalankan. Walau bagaimanapun Guru Pemulihan Khas akan cuba merancang satu program pengajaran yang khusus sama ada berbentuk individu atau kumpulan dengan lebih tepat dan sistematik lagi. Hal ini bertujuan ingin mempertingkatkan lagi tahap penguasaan 3M dan kebolehan pengamatan murid-murid terbabit, khususnya murid-murid Pemulihan Khas di S. K. Kampong Baru, Kapit, Sarawak.

Lantas, jelaslah kini bahawa pengwujudan 'Ujian Pengamatan' mampu membantu Guru Pemulihan Khas mengesan dan seterusnya memperbaiki tahap keupayaan pengamatan seseorang murid Pemulihan Khas terbabit. Hal ini turut diperkukuhkan lagi dengan adanya pernyataan daripada KPM (2003), yang menyifatkan bahawa 'Pengamatan' ialah satu kemahiran yang boleh dikembang dan dipelajari. Sungguhpun ia berkait rapat dengan darjah kecerdasan seseorang kanak-kanak itu, tetapi ia boleh diajar kepada kanak-kanak lemah supaya dapat membantu mereka dalam pembelajaran.

Soalan Kajian 2 :

Bagaimanakah cara pelajar-pelajar Pemulihan Khas menguasai 3M, khususnya yang melibatkan pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas?

Hasil pemerhatian yang telah dilakukan oleh pengkaji terhadap cara pelajar-pelajar Pemulihan Khas menguasai 3M, khususnya yang melibatkan pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas, didapati bahawa terdapat seramai 28 orang murid yang mengikuti Kelas Pemulihan Khas ini. Mereka dipecahkan kepada dua kumpulan mengikut kelas masing-masing. Kelas yang terlibat ialah dari Tahap Satu yang melibatkan Kelas 2 Perdana dan 3 Satria. Kelas 2 Perdana mempunyai murid seramai 14 orang, bilangan pelajar lelaki seramai empat orang dan pelajar perempuan seramai sepuluh orang. Manakala bagi Kelas 3 Satria pula, terdapat seramai 14 orang murid, bilangan murid

lelaki seramai tujuh orang dan murid perempuan juga tujuh orang. Kesemua mereka ini merupakan murid-murid yang telah dikenal pasti dan layak mengikuti Program Pemulihan Khas, setelah mereka didapati tidak melepasi atau 'Gagal' dalam 'Ujian Saringan Bahasa Melayu dan Matematik' yang telah dijalankan oleh Guru Pemulihan Khas terbabit.

Hasil pemerhatian selanjutnya, mendapati bahawa Guru Pemulihan Khas di S. K. Kampong Baru, Kapit, Sarawak, mempraktikkan kaedah pengajaran pemulihan secara kumpulan dan individu. Selain itu, beliau juga turut menitikberatkan dua aspek penting sebelum merancang pengajaran iaitu apa yang diketahui oleh murid sebelum pengajaran dimulakan dan apa yang perlu diketahui oleh murid selepas pengajaran dilakukan. Contohnya, sewaktu mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu untuk Kelas 2 Perdana, Guru Pemulihan Khas ini terlebih dahulu menguji tahap pengetahuan sedia ada murid-murid Pemulihan Khas terbabit dengan mengkehendaki mereka membacakan abjad-abjad bermula dari a hingga z. Memang diakui tidak kesemua pelajar Kelas 2 Perdana mampu melakukannya. Didapati juga segelintir daripada mereka hanya dapat menyebut huruf-huruf awal sahaja seperti a, b, c dan d sahaja. Manakala yang selebihnya, Guru Pemulihan Khas terpaksa memantau dan membantu cara-cara penyebutan huruf-huruf abjad a hingga z yang betul. Hal ini memperlihatkan betapa Guru Pemulihan Khas berkenaan mengambil berat mengenai tahap penguasaan berbahasa murid-

muridnya, sekali gus mengambil kira pengetahuan sedia ada pada setiap orang pelajarnya.

Guru Pemulihan Khas terbabit selanjutnya meneruskan pengajaran dan pembelajaran mengenai perkataan dua suku kata V + KV. Di sini beliau memulakan dengan mengeja suku kata perkataan bermakna, contohnya, $a + pi = api$. Proses mengeja suku kata ini dimulakan daripada yang mudah iaitu dua suku kata (KVKV). Hal ini turut diperkukuhkan lagi oleh pernyataan Jamilah Ahmad (1999), yang menyatakan bahawa objektif pembelajaran tidak boleh terlalu sempit atau terlalu umum. Objektif pembelajaran yang sebaik-baiknya haruslah realistik dan sejajar dengan kebolehan serta minat murid-murid. Bagi tujuan pengajaran pemulihan, objektif pembelajaran hendaklah lebih khusus. Contohnya, di akhir pembelajaran murid-murid dapat membatang suku kata KVKV.

Selain itu, bagi mempelbagaikan cara pengajaran dan pembelajaran, Guru Pemulihan Khas terbabit turut menggunakan alat bantu mengajar (ABM), contohnya kad-kad cantuman. Di sini murid-murid digalakkan secara kumpulan mahupun individu mencari suku kata - suku kata tertentu, untuk dicantumkan menjadi perkataan-perkataan yang bermakna, contohnya, $a + da = ada$. Oleh hal yang demikian, didapati bahawa cara pengajaran dan pembelajaran sedemikian mampu memperkukuhkan lagi matlamat pengajaran

Kelas Pemulihan Khas yang mengkehendaki murid-murid Pemulihan Khas terbabit dapat mengetahui dan memahami apa yang dipelajari, khususnya selepas selesainya satu-satu pengajaran itu dilakukan. Keadaan sedemikian turut diperkukuhkan lagi oleh pernyataan daripada Jamilah Ahmad (1999), yang menyifatkan bahawa bahan dalam pengajaran dan pembelajaran merupakan media yang mampu mewujudkan rangsangan dan seterusnya bertindak memperkembangkan kecerdasan dan pengalaman.

Lantas, di akhir setiap sesi pengajaran dan pembelajaran, Guru Pemulihan Khas berkenaan seharusnya dan semestinya dikehendaki melakukan penilaian terhadap setiap perkembangan yang ditunjukkan, khususnya berkaitan penguasaan 3M murid-murid Pemulihan Khas terbabit. Selanjutnya hal ini turut diperjelaskan lagi oleh Kamarudin Hj. Husin (1988), yang menyatakan bahawa penilaian adalah satu proses yang dijalankan secara terus-menerus kerana penilaian dalam konteks pengajaran pemulihan adalah bertujuan untuk mengesan kemajuan murid-murid yang lemah dalam menjalani aktiviti pemulihan. Maklumat yang didapati daripada penilaian ini membolehkan guru menentukan tindakan yang selanjutnya iaitu dari segi 'Tindakan Susulan'. Di sini murid-murid yang telah menguasai konsep atau kemahiran-kemahiran tertentu akan menjalankan aktiviti-aktiviti susulan (tambahan) dan murid yang masih belum dapat menguasai konsep dan kemahiran itu akan meneruskan aktiviti pemulihan. Setelah murid-murid yang menghadapi masalah pembelajaran yang kompleks dijangkakan

mampu mengikuti pembelajaran di kelas-kelas biasa, mereka ini akan diberi aktiviti-aktiviti susulan. Aktiviti-aktiviti susulan ini merupakan usaha sokongan atau peneguhan untuk membiasakan murid-murid dengan masalah yang dihadapi. Aktiviti-aktiviti pengayaan harus diperbanyakkan. Guru-guru kelas dan guru-guru Pemulihan Khas harus bantu-membantu dalam merancang aktiviti-aktiviti tersebut. Ini penting untuk mengekalkan prestasi murid-murid yang dipulihkan itu.

Soalan Kajian 3 :

Apakah implikasi positif mahupun negatif ‘Ujian Saringan Bahasa Melayu dan Matematik’, ‘Ujian Diagnostik Bahasa Melayu dan Matematik’, dan ‘Ujian Pengamatan’ terhadap penguasaan 3M murid-murid Pemulihan Khas?

Menyentuh mengenai implikasi positif mahupun negatif ‘Ujian Saringan Bahasa Melayu dan Matematik’, ‘Ujian Diagnostik Bahasa Melayu dan Matematik’, dan ‘Ujian Pengamatan’ terhadap penguasaan 3M murid-murid Pemulihan Khas, ini dapat dirujuk melalui pernyataan daripada Chua (1983), yang mengatakan bahawa pengajaran pemulihan bertujuan memberi pengalaman konkrit, memberi kebebasan daripada pertandingan dengan murid yang lain di kelas yang sama. Pengajaran pemulihan juga bertujuan untuk menanamkan perasaan kejayaan di jiwa kanak-kanak agar mereka lebih berkeyakinan, lebih ingin mencuba mengikut tahap keupayaan mereka. Hal ini turut diperkukuhkan lagi oleh Robiah (1997), yang menyatakan bahawa

pengajaran pemulihan bertujuan untuk membantu murid yang menghadapi masalah dalam pembelajaran. Ini adalah kerana kegagalan menguasai kemahiran asas seperti membaca, menulis dan mengira akan menghalang mereka untuk menghayati kandungan pelajaran yang disediakan bagi peringkat persekolahan mereka. Sekiranya ketidakupayaan ini tidak diatasi, dengan kata-kata lain kelemahan kanak-kanak akan bertambah-tambah tahun demi tahun, maka masalah akan bertambah buruk apabila kanak-kanak ini menghadapi kandungan pelajaran yang lebih susah. Kegagalan menguasai kemahiran asas ini akan menjadikan murid itu benci untuk datang ke sekolah kerana sekolah bukan tempat yang menggembirakan mereka. Kegagalan ini juga menyebabkan kanak-kanak ini tidak dapat menimba pengetahuan yang berharga melalui buku.

Selain itu, menurut Sharifah (1986), pengajaran pemulihan ialah satu proses pembelajaran yang mengandungi beberapa fasa dan fasa-fasa ini bergerak mengikut turutan. Proses pengajaran pemulihan ini bermula dengan mengikut langkah-langkah seperti langkah pertama 'Proses pengambilan dan Kelas Pemulihan', langkah kedua 'Penyediaan alatan', langkah ke-tiga 'Pencalonan', langkah ke-empat 'Pengumpulan maklumat', langkah ke-lima 'Saringan', langkah ke-enam 'Diagnosis', langkah ke-tujuh 'Perancangan dan pengajaran', langkah ke-lapan 'Penilaian', dan langkah ke-sembilan 'Proses Susulan'.

Merujuk kepada pernyataan di atas didapati bahawa ‘Ujian Saringan Bahasa Melayu dan Matematik’, terletak di langkah ke-lima. Menurut Sharifah (1986), di bahagian ini menjelaskan bahawa selepas pencalonan dan pengumpulan maklumat ini diuruskan maka Ujian Saringan ditadbirkan. Ujian ini boleh dibuat dalam bentuk lisan atau amali untuk mata pelajaran asas iaitu Matematik dan Bahasa. Tujuan ujian ini ialah untuk memastikan murid yang benar-benar layak mengikut kelas pemulihan. Manakala bagi ‘Ujian Diagnostik Bahasa Melayu dan Matematik’ juga ‘Ujian Pengamatan’, keduanya terletak di langkah yang ke-enam. Di sini didapati bahawa setelah calon kelas pemulihan ditentukan maka proses yang seterusnya ialah memberi ‘Ujian Diagnostik’ dalam mata-mata pelajaran seperti di dalam Saringan dan ‘Ujian Pengamatan’. Ini bertujuan untuk menampakkan secara terperinci masalah-masalah akademik yang dialami oleh tiap-tiap orang murid. Daripada ujian ini akan didapati kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh murid. Kesalahan-kesalahan ini dianalisis untuk membentuk hipotesis masalah-masalah yang dialami oleh murid.

Lantas jelaslah kini bahawa ‘Ujian Saringan Bahasa Melayu dan Matematik’, ‘Ujian Diagnostik Bahasa Melayu dan Matematik’, dan ‘Ujian Pengamatan’ banyak memberikan implikasi positif berbanding dengan yang negatif terutama dalam mempertingkatkan tahap penguasaan 3M murid-murid Pemulihan Khas. Lebih-lebih lagi ‘Ujian Saringan Bahasa Melayu dan Matematik’, ‘Ujian Diagnostik Bahasa Melayu dan Matematik’, dan ‘Ujian

Pengamatan' turut merupakan antara fasa-fasa di dalam proses pengajaran Pemulihan Khas. Hal ini turut diperkukuhkan lagi dengan pernyataan daripada Mok Soon Sang (1994), yang menyatakan tujuan penilaian Pemulihan Khas adalah ingin menentukan kekuatan dan kelemahan murid dalam pelajaran sesuatu kemahiran supaya merancang aktiviti pengayaan dan pemulihan.

5.3 Implikasi

Implikasi yang dapat dibuat daripada hasil kajian ini adalah penguasaan 3M dalam kalangan murid-murid Pemulihan Khas, khususnya di S. K. Kampong Baru, Kapit, Sarawak, perlulah dititikberatkan. Hal ini menurut Kamarudin (1988), yang mengatakan bahawa tidak dapat mengenal huruf akan menyekat kemajuan, tidak boleh mengira akan mengganggu perjalanan kehidupan sehari-hari dan tidak pandai menulis bererti tidak mempunyai satu kemahiran asas untuk membatang dan menurunkan sesuatu kepada lambang yang telah moden ini. Sekiranya berlaku kegagalan di kalangan murid-murid dalam salah satu atau beberapa kemahiran, mereka pasti tidak dapat meneruskan pelajaran dan masyarakat akan menganggap mereka sebagai mundur.

Kamarudin (1988), sekali lagi menjelaskan bahawa dalam KBSR, bidang komunikasi amat dititikberatkan dan ia melibatkan 3M, iaitu kemahiran asas yang merangkumi kemahiran membaca, menulis dan mengira. Walau bagaimanapun, kemahiran 3M ini bukanlah hanya setakat menekankan

kemahiran berbentuk mekanis, tetapi juga meliputi aspek-aspek kemahiran mendengar dan bertutur (lisan), pembacaan untuk pemahaman, penulisan berasaskan pengetahuan dan pengalaman serta penggunaan keempat-empat operasi matematik, iaitu campur, tolak, darab dan bahagi. Bidang-bidang ini bertujuan untuk membolehkan murid-murid membuat pengiraan dan berupaya menyelesaikan masalah dalam kehidupan mereka sehari-hari. Pendidikan sekolah rendah menekankan penguasaan kemahiran-kemahiran ini. Murid-murid dikehendaki membina dan kemudian menggunakan kemahiran-kemahiran tersebut. Objektif kurikulum ini ialah murid-murid harus dapat memiliki dan menguasai kemahiran-kemahiran tersebut selepas tamat tahap satu, iaitu selepas tiga tahun pembelajaran mereka di sekolah. Pada tahap ini, mereka harus sudah boleh mendengar, menyebut, mengenal, membentuk lambang-lambang dan perkataan serta menggunakan kemahiran-kemahiran tersebut. Mereka juga harus boleh mengenal angka, membilang dan menggunakan keempat-empat operasi Matematik.

Menurut Kamarudin (1988) lagi, dalam sesuatu situasi pengajaran dan pembelajaran, perbezaan murid-murid dari segi kesediaan belajar dan keupayaan menerima pelajaran memangnya sentiasa wujud. Walaupun kemudahan-kemudahan yang cukup telah disediakan dan peluang yang sama rata telah diberikan kepada mereka untuk menerima pelajaran, tetapi kita tetap tidak dapat mengelakkan diri daripada berhadapan dengan murid-murid yang bermasalah dalam proses pembelajaran. Masalah-masalah pembelajaran yang

melibatkan kemahiran 3M sememangnya banyak dan kerap berlaku di kalangan murid-murid pada peringkat awal pembelajaran. Masalah-masalah ini harus mendapat perhatian yang serius daripada guru-guru, supaya ia tidak menimbulkan masalah yang lebih besar pada peringkat-peringkat pembelajaran yang seterusnya.

5.4 Cadangan

Berikut merupakan beberapa cadangan yang disyorkan bagi kajian mengenai 'Penguasaan 3M dalam kalangan murid-murid Pemulihan Khas, khususnya di S. K. Kampong Baru, Kapit, Sarawak'. Cadangan yang pertama ialah program 'Pemulihan Khas' sewajarnya dijalankan secara serius pada peringkat awal pembelajaran khususnya sewaktu di Pra Sekolah lagi. Hal ini bertujuan sebagai platform awal mengesan tahap kebolehan murid terbabit dalam penguasaannya terhadap 3M. Sebaliknya bagi murid-murid yang agak maju dan kurang menghadapi masalah, mereka akan disogokkan dengan aktiviti-aktiviti pengukuhan dalam bentuk pengayaan.

Cadangan yang kedua berkisar berkaitan dengan keadaan di sekolah rendah sekarang ialah murid lambat menduduki peperiksaan dan ujian yang sama dengan murid lain. Ini menyebabkan mereka sentiasa mendapat pencapaian rendah dalam setiap ujian dan peperiksaan sekolah jika dibandingkan dengan murid-murid biasa. Keadaan ini melambatkan

pertumbuhan rasa yakin diri di kalangan murid lambat. Oleh itu, disarankan agar Kementerian Pelajaran Malaysia membenarkan pihak sekolah menyediakan ujian yang berasingan bagi murid lambat sejajar dengan kemampuan murid lambat hingga mereka dipulihkan. Dengan cara ini, akan dapat memberi peluang kepada murid lambat untuk mencapai kejayaan dalam ujian-ujian mereka. Kejayaan ini sedikit sebanyak menyumbang ke arah pembinaan rasa yakin diri di jiwa murid lambat.

Cadangan yang terakhir ialah mengenai Guru Pemulihan Khas menghadapi masalah jumlah murid lambat yang besar dalam Kelas Pemulihan Khas. Bagi menjadikan pengajaran pemulihan lebih berkesan, maka disarankan agar jumlah murid di Kelas Pemulihan Khas harus dikecilkan bagi mengurangkan masalah guru semasa menjalankan aktiviti kumpulan khasnya bagi Kelas Pemulihan Khas yang menjalankan sistem kelas tetap. Guru Pemulihan Khas juga menghadapi kurang gangguan dalam kumpulan yang lebih kecil. Mengecilkan jumlah murid dalam kelas bermakna mengurangkan jumlah murid dalam kumpulan, dengan ini sudah pasti membolehkan Guru Pemulihan Khas memberikan perhatian secara individu kepada hampir setiap murid, sebagaimana yang disarankan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Cadangan ini hanya dapat dilakukan sekiranya Guru Pemulihan Khas mendapat kerjasama penuh daripada Guru Besar sekolah dan guru-guru biasa yang lain.

5.5 Penutup

Implikasi dapatan kajian ini tidak seharusnya dipandang mudah, khususnya bagi golongan para pendidik. Menurut Jamilah (1999), tugas pemulihan adalah tanggungjawab semua guru pada semua peringkat. Guru mestilah peka dan prihatin serta sentiasa bersedia untuk melakukan sesuatu berhubung dengan aktiviti pemulihan bagi menentukan semua murid yang diajarnya menunjukkan perubahan positif dalam pencapaian, khususnya dalam penguasaan 3M. Kemahiran penguasaan 3M ini adalah asas kepada penguasaan ilmu dan kemahiran yang lain. Oleh itu, perancangan strategi yang rapi, pendekatan yang tepat dan kepelbagaian kaedah yang sesuai serta penggunaan teknik yang menarik akan dapat membantu guru mengendalikan program pemulihan dengan berkesan dan dapat mencapai objektif yang ditentukan. Apa yang penting ialah guru harus sentiasa berusaha demi mencapai kejayaan dalam pengajaran dan pembelajaran. Hal ini selaras dengan matlamat Falsafah Pendidikan Negara yang mengkehendaki setiap individu harus diberi peluang mengembangkan potensinya mengikut keperluan, kemampuan dan kebolehannya. Pelajar yang cerdas diberi pengayaan, manakala yang lembab perlu diberi bantuan pemulihan.

RUJUKAN

Buku

Abu Basar bin Mohd. Shah. (1986). *Pengelolaan dan Pengurusan Kelas*

Pemulihan. Bahagian Sekolah-sekolah Kementerian Pendidikan

Malaysia.

Ab. Rahman Ab. Rashid dan Hajah Wan Som Mamat. (1995). *Bahasa Melayu bahasa*

dalam Komunikasi dan Proses Komunikasi. Edisi Pertama. Selangor:

Longman Malaysia Sdn. Bhd.

Brodsky, Mimi. (1978). *Teaching Language Art Creatively*. New York:

Harcourt Brace Jovovich Inc.

Chua Tee Tee. (1983). *Pengetahuan, Latar Belakang dan Kemahiran-*

Kemahiran yang perlu ada pada seorang Guru Pemulihan. Fakulti

Pendidikan Universiti Malaya.

Ee Ah Meng. (1998). *Pedagogi III. Pengujian, Penilaian, Pemulihan, Pengayaan dan Pendidikan Inklusif (Semester IV)*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Hammond, L & Hughes, P. (1999). *When bright kids fail: how to help children overcome specific learning difficulties*. Australia: Simon and Schuster.

Jamilah Ahmad. (1999). *Panduan Pengajaran Pemulihan Bahasa Melayu KBSR & KBSM*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn, Bhd.

JPK / KPM .(2003). *Buku Panduan, Pelaksanaan Program Pemulihan Khas (Masalah Penguasaan 3M)*. Kuala Lumpur.

JPK / KPM .(2008). *Garis Panduan Pelaksanaan Program Pemulihan Khas (Edisi Percubaan)*. Kuala Lumpur.

Kamarudin Hj. Husin. (1988). *Pedagogi 4*. Malaysia: Longman.

Kauchak dan Enggan. (1989). *Learning and Teaching*. Massachusset: Allyn and Bacon.

Kirk dan Gallagner. (1989). *Learning and Teaching*. Massachusset: Allyn and Bacon.

Koh Boh Boon. (1981). *Pengajaran Pemulihan dalam Bahasa Malaysia*.

Kuala Lumpur: Percetakan Utusan Sdn. Bhd.

KPM .(2006). *PIPP, Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006 – 2010*.

Putrajaya.

Leith. (1968). *A Handbook of Programmed Learning*. University of Birmingham.

Magisos, J. H. (1989). *Vocational Teacher Education Principles, Practice, Problem and Promissing Direction*. London: The Plamer Press.

Mercer, C. D. (1997). *Students with learning disabilities*. U. S. A: Merrille, Prentice Hall.

Mohd. Jonit Johari. (1987). *Pengajaran Pemulihan Bahasa Malaysia melalui pendekatan kerja kelompok: Satu pandangan*. Dewan Bahasa.

Mok Soon Sang. (1994). *Penilaian, Pemulihan dan Pengayaan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Percetakan Sentosa (KL) Sdn. Bhd.

Noran Fauziah Yaakub dan Ahmad Mahdzan Ayob. (1993). *Guru dan Perguruan*. Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Kementerian Pendidikan Malaysia.

Otto, W. dan Smith. (1980). *Corrective and Remedial Teaching*. Houghton Mifflin c. o.

Pusat Perkembangan Kurikulum. (2001). *Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Matlamat dan Visi, Kementerian Pendidikan Malaysia*. Kuala Lumpur.

Robiah Kulop Hamzah. (1997). *Guru Khas Pemulihan, Fungsi dan Masalah*. Kuala Lumpur: DBP.

Sharifah Rahmah Syed Ali. (1986). *Pendidikan Pemulihan Rasional dan Program*. Kuala Lumpur: Maktab Perguruan Ilmu Khas.

Syed A. B. S. A. (1997). *Bimbingan Khas Perkhidmatan Pendidikan Pemulihan*. Kuala Lumpur: DBP.

Zainal Abidin bin Deen. (1986). *Pentadbiran dan Pengelolaan Pendidikan Pemulihan di Peringkat Negara, Negeri dan Sekolah*. Bahagian Sekolah-sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Artikel / Jurnal

Abdul Rahim Hamdan, Ahmad Johari Sihes, Jamaluddin Ramli dan Musa Ismail. (2006). *Tahap minat, pengetahuan dan kemahiran latihan guru dan beban tugas Guru Pemulihan Khas Sekolah Kebangsaan Daerah Pontian, Johor*.

Retrieved Disember 7, 2009, from <http://www.arjpnj.com>.

Akmariah Mamat. (2010). *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Guru Pemulihan Jawi di Malaysia*. Retrieved Disember 7, 2009, from <http://www.arjpnj.com>.

APEID - Asian Programme of Educational Innovation for Development. (1983). *Learning Needs and Problems in Primary Education*. Vol 1 & II, research issues and Proposals. UNESCO. Bangkok.

Aspalaila Ramli, Maslinda Mahmud. (2006). *Meningkatkan kemahiran murid membaca ayat-ayat yang mengandungi perkataan gabungan dua suku kata terbuka dan tertutup KV + KVK*. Retrieved Disember 7, 2009, from <http://www.arjpnj.com>.

Bayrei b. Asrin, Jered b. Yutui, Kamillah Mohamed, Norhayati Mohamad, Siti Salbiah bt. Shafie. (2008). *Kemahiran membaca dalam sukatan pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah dan impaknya kepada persediaan guru di dalam bilik darjah*. Retrieved Disember 7, 2009, from <http://www.modelkot.com>.

Benjamin Anak Kibong. (2008). *Tiga sekawan*. Jurnal Penyelidikan. IPBL, Jld 2, pp1-16.

Charlie Anak Ungang. (2008). *Penggunaan Bahan Bantu Mengajar dalam Kemahiran Asas Membaca di Kelas Pemulihan : Kajian Kes di lima buah sekolah Daerah Serian*. Jurnal Penyelidikan. IPBL, Jld 8, pp84-97.

Mohamad Mortadza bin Bohari. (2005). *Program Latihan Dalam Perkhidmatan: Pemangkin Perkembangan Profesionalisme guru*. Retrieved Disember 7, 2009, from <http://www.arjpnj.com>.

Siti Rosmah Mohamed, Saripah Sarif. (2006). *Ting Ting minda meningkatkan kemahiran membaca perkataan gabungan suku kata terbuka dan tertutup KV KVK dalam kalangan murid Pemulihan Khas*. Retrieved Disember 7, 2009, from <http://www.arjpnj.com>.

Tengku Zawawi b. Tengku Zainal. (1997). *Strategi pengajaran dan Pembelajaran Matematik: Satu kerangka umum*. Retrieved Disember 7, 2009, from <http://mujahid.tripod.com>.

Latihan Ilmiah / Tesis

Aizan Yaacob. (2006). Malaysian Literacy Practices in English: 'Big Books', CD-Roms and the year 1 English hour. *Unpublished PhD Thesis*. University of Warwick.

Anita bt. Othman. (2011). Using Prose Model Approach to Improve Students' Writing: An Action Research. *Master Dissertation*. Universiti Utara Malaysia.

Dewi bt. Mohd. Salleh. (2003). Pantang Larang Perkahwinan Suku Kaum Bajau : Kajian Kes di Daerah Kunak. *Latihan Ilmiah*. Universiti Malaysia Sabah.

Hashim Andimori. (2000). Faktor-Faktor yang mempengaruhi pemilihan Jurusan
Kejuruteraan Awam dalam kalangan pelajar UTM. *Projek Sarjana Muda*.
Universiti Teknologi Malaysia.

Ishak b. Sin. (2008). Hubungan Antara Kepimpinan Transformasional
Pengetua Dengan Komitmen Kepada Organisasi Dalam Kalangan
Guru Sekolah Menengah Di Negeri Kedah. *Master Dissertation*.
Universiti Utara Malaysia.

Rizal Abu Bakar. (2004). Emotional Intelligence and Social Problem
Solving. *Master Dissertation*. Monash University, Australia.

Robiah, K. H. (1988). Fungsi dan masalah Guru Khas Pemulihan di dua buah sekolah
rendah di Selangor. *Unpublished M.Ed. Thesis*. University of Malaya.

Temu bual

Angela Audry Paul. (2009, Mei 25). *Penguasaan 3M di kalangan murid-murid Pemulihan Khas : Kajian Kes di S. K. Kampong Baru, Kapit, Sarawak* (Temu bual).

Internet

<http://apps.emoe.gov.my/bppdp>

<http://mujahid.tripod.com>

<http://prpm.dbp.gov.my>

<http://skdarau.tripod.com/kbsr.htm>

<http://www.aripnj.com>

<http://www.bharian.com.my>

<http://www.citcat.com>

<http://www.ipbl.edu.my>

<http://www.lib.uum.edu>

<http://www.modelkot.com>

<http://www.moe.gov>

<http://www.pnm.my>

<http://www.sabah.net.my>

<http://www.sazlie.com>

<http://www.utusan.com.my>

<http://www.yayasansarawak.org.my>